

قَتِيقَن تِيَتِه

PETIKAN TITAH

“KESIHATAN sungguh berharga dalam hidup. Ia mesti dibina dan dijaga. Di antara cara membina dan menjaga kesihatan itu, ialah melalui pengawalan pemakanan dan melazimkan aktiviti-aktiviti bersenam.”
- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-62 Tahun pada hari Selasa, 12 Rejab 1429H bersamaan 15 Julai 2008M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“DAN sesungguhnya dosa (yang dikira itu) hanyalah terhadap orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan melampaui batas di bumi tanpa sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang yang beroleh azab yang pedih.”
- (Surah Asy Syuura ayat 42).

TAHUN 59 / BILANGAN 101

13 OGOS 2014 / 1435 شوال 16

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA



دولت کبawah دلی توان قاتیق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

68

15 Julai 2014

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Kanjeng Raden Mas Tumenggung Roy Suryo Notodiprojo yang mengadakan lawatan kerja ke negara ini.

Hadir dalam Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak, Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar dan Deputy Bidang Harmonisasi dan Kemitraan, Kementerian Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Bapak Profesor Dr. Faisal Abdullah.

Turut hadir dalam Majlis Mengadap ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Kanjeng Raden Mas Tumenggung Roy Suryo Notodiprojo. - Foto : Azmah Haji Ahad.



Bermulanya tirai perayaan Hari Keputeraan

Dapatkan
KELUARAN KHAS



Muka 3

SISTEM Pendidikan Teknikal menjalani transformasi menamatkan perkhidmatan

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Ogos. - Rakyat dan penduduk negara ini akan mula menyambut Ulang Tahun Ke-68 Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam esok, setiap tahun ditandai dengan keraian dan kesyukuran. Ia adalah acara yang menjadi ciri terpenting pemerintahan beraja.

Memandangkan tarikh Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini 15 Julai 2014 Masihi adalah jatuh pada 17 Ramadan 1435

Hijriah, beberapa acara sambutan adalah diganjakkan. Maka tarikh pada hari Khamis, 14 Ogos dipilih bagi Acara Istiadat Perbarisan Kehormatan, Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran. Maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan titah bagi hari tersebut diisytiharkan sebagai hari cuti khas.

Sambutan yang bersejarah itu akan bermula dengan Istiadat Perbarisan Kehormatan akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bermula jam 7.15 pagi. Kemudian diikuti dengan Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman bermula jam 9.30 pagi. Sementara itu pada sebelah malamnya pula akan diadakan Majlis Persantapan Negara di Istana Nurul Iman.

Ke muka 24



IPC berupaya merubah amalan pengajaran dan pembelajaran

PERTAMA sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sekolah Seri Mulia Sarjana kerana mengambil inisiatif mengenalkan kurikulum ini yang diiktiraf dan memupuk pelajar ke abad ke-21 dengan pengertian yang akan membantu mereka untuk menjadi individu yang holistik dan menjadi tenaga kerja masa depan negara kita.

Bermula daripada umur muda, inisiatif ini melengkapi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) yang sedia ada dan akan mempersiapkan pelajar-pelajar dengan matlamat peribadi mereka selaras dengan visi Kementerian Pendidikan dalam menyediakan pendidikan yang holistik.

Rakyat masa kini hidup dalam dunia yang serba digital di mana maklumat mudah diperolehi, anak-anak dapat mencari dan mengakses fakta dan penyelidikan tanpa had dan akhirnya membawa kepada persoalan dan mahu melakukan lebih banyak lagi perkara.

Pelajar-pelajar masa ini tidak lagi hanya duduk dan menurut perintah daripada tenaga pengajar akan tetapi mereka juga mengarahkan guru mereka. Mereka akan mengisytiharkan keinginan mereka untuk terlibat dan perubahan ini menandakan bahawa gaya pembelajaran, pendekatan dan metodologi adalah terdedah kepada pengubahsuaian dan penyesuaian yang akan memenuhi proses setiap individu dalam memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kefahaman.

Dengan dunia kini yang semakin bertambah kompetitif dan tuntutan kemahiran menjadi semakin mustahak, sesuatu perlu dilaksanakan bagi setiap institusi pembelajaran. Kita perlu berkembang, berlalu pada masanya, memupuk dan meningkatkan pendekatan semasa untuk hasil yang lebih baik daripada pelajar-pelajar kita.

Saya percaya, Sekolah Seri Mulia Sarjana merupakan sebuah institusi yang tidak pernah berhenti untuk menarik perhatian negara apabila ia datang dengan keazaman dan matlamat untuk menyediakan pendidikan bertaraf dunia. Dengan penyesuaian Kurikulum Rendah Antarabangsa (IPC) bagi Tahun Awal di tengah-tengah program pendidikan tempatan, mereka terus menarik perhatian Negara Brunei Darussalam dan idea-idea *innervate avant-garde* yang unik untuk mempromosikan cara pendidikan pada minda generasi muda kita.

Ia merupakan salah satu elemen paling berpengaruh daripada IPC yang telah merubah amalan pengajaran dan pembelajaran di kalangan ahli-ahli sekolah, iaitu keupayaannya

untuk menentukan pembelajaran dari pelbagai perspektif melalui pembangunan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman, yang merupakan kombinasi penting dalam memastikan pengalaman pembelajaran yang paling berkesan serta melengkapkan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (SPN21).

Dengan IPC untuk tahun awal ini, ia bukan hanya *sekumpulan fakta (bunch of facts)* yang perlu dipelajari untuk lulus ujian, tetapi sebaliknya, ia menjadi satu cara untuk menentukan pengetahuan, kemahiran dan pemahaman kanak-kanak yang perlu diperolehi, dan kemahiran praktikal yang mampu dilakukan dan dipamerkan serta membina kefahaman dan kesedaran dengan matlamat peribadi, daya tahan, moral, komunikasi, rasa hormat dan keupayaan menyesuaikan diri.

Ini adalah selaras dengan Moto Sekolah iaitu 'Patriotisme, Nilai dan Kecemerlangan' yang menjadi prinsip panduan untuk sekolah, untuk menerapkan 'Patriotisme' pada kanak-kanak untuk memupuk kesetiaan dan kasih sayang mereka kepada negara melalui kepentingan penggunaan bahasa Melayu.

Melahirkan rakyat Brunei yang mampu memainkan peranan masing-masing dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan pada masa yang sama mengekalkan nilai-nilai Melayu dan keislaman yang kuat juga menjadi keutamaan bagi Kementerian Pendidikan.

Ditubuhkan pada falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), falsafah pendidikan negara kita juga menggabungkan dua elemen penting iaitu Naqli (dalil yang bersumberkan dari Al-Qur'an dan Hadis) dan Aqli (dalil yang bersumberkan akal fikiran).

Kedua-dua elemen ini adalah mustahak dalam pembangunan potensi individu sepenuhnya dan seterusnya melahirkan belia yang berpengetahuan, berkemahiran, setia dan keperibadian yang baik sebagai asas kepada kemunculan identiti selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah, yang merupakan asas penting bagi memastikan kesetiaan kepada negara.

Dalam menangani kerelevanan 'Nilai' dalam moto sekolah, untuk menyemai nilai-nilai dalam kanak-kanak termasuk penyerapan Melayu Islam Beraja dalam pendidikan dalam usaha untuk mendidik kanak-kanak pada peringkat permulaan dan menghargai diri mereka mengikut ajaran agama Islam terutamanya pada kanak-kanak tempatan. Bagi kanak-kanak asing, pengetahuan ini mendapat manfaat bukan sahaja semasa tinggal di Negara Brunei Darussalam



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa berucap pada Majlis Pelancaran Kurikulum Rendah Antarabangsa bagi Program Tahun Awal (IPC for Early Years Program) pada hari Khamis, 7 Ogos 2014 bertempat di Sekolah Seri Mulia Sarjana.

tetapi juga selepas mereka kembali ke negara masing-masing dengan membimbing mereka untuk lebih memahami dan toleransi agama, kepercayaan dan budaya atau lain-lain. Tujuan 'Kecemerlangan' pada moto sekolah membantu menubuhkan hala tuju yang memenuhi keperluan individu setiap pelajar dan membawa cara untuk kejayaan akademik dan peribadi mereka dengan tidak menolak penyerapan dua fakta yang lain yang dinyatakan sebelum ini.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk memuji Kumpulan Akademik Seri Mulia Sarjana atas sokongan gigih dalam terus meningkatkan pengetahuan profesional dan latihan mereka untuk IPC dan Tahun Awal dan usaha yang berterusan untuk menguasai bahasa Inggeris melalui Sistem Ujian Bahasa Inggeris Antarabangsa (IELTS) pada hari Jumaat dan cuti sekolah bagi tempoh enam bulan yang lalu. Komitmen dan dedikasi kepada bidang pendidikan adalah yang kita perlukan di dunia ini yang berkembang pesat.

Dengan pelaksanaan dari bahan pembelajaran baru ini, matlamat kami adalah supaya anda semua boleh menunjukkan kemahiran dan pemahaman yang berkaitan dengan amalan terbaik secara langsung dalam pedagogi pendidikan dan kita juga menjangkakan bahawa awda mempromosikan pencapaian misi sekolah untuk menyediakan pendidikan bertaraf dunia dan untuk memudahkan menerima pembelajaran baru untuk abad ke-21.

Dari Sidang Pengarang.

13 OGOS 2014 BERSAMAAN 1435 16 شوال

KEMESRAAN RAJA-RAKYAT TERSERLAH

MENYEMBAHKAN taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun.

Tarikh 14 Ogos yang diisytiharkan sebagai cuti khas merupakan satu lagi kurnia untuk memberikan peluang rakyat jelata dan penduduk untuk menyaksikan Istiadat Perbarisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara dan seterusnya Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Maka bermulalah acara-acara keraian bagi sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang merupakan detik sambutan dengan gilang-gemilang di negara ini sebagai rasa syukur ke atas kepimpinan bijaksana baginda di bumi bertuah ini yang dalam keadaan aman, harmoni dan stabil.

Hubungan rapat dan kemesraan antara raja yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyat jelata sangat terserlah dan tiada jurang.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang merupakan pemimpin berjiwa rakyat sangat disanjung rakyat yang sentiasa mendoakan kesejahteraan ke hadapan majlis baginda dan kerabat diraja yang lain.

Beberapa hari saja lagi, upacara yang sangat dinanti-nantikan oleh setiap lapisan rakyat iaitu Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di semua daerah-daerah sempena sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-68 tahun.

Daerah Belait menjadi tumpuan pertama majlis berkenaan pada 17 Ogos di Padang Bandaran, Kuala Belait dan seterusnya baginda akan dijunjung oleh rakyat jelata dan penduduk pada 19 Ogos di Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong.

Bagi Daerah Temburong akan berlangsung pada 21 Ogos di Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, sementara Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien akan menjadi tumpuan bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara pada 24 Ogos ini.

Majlis yang ditunggu-tunggu itu menjadi peluang terbaik untuk kitani semua beramah mesra, bersemuka dan berinteraksi secara langsung bersama raja yang dikasihi. Ia sudah tentu akan terus mengeratkan rasa muhibah dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda.

Kitani patut bersyukur atas keikhlasan dan keprihatinan baginda dalam menghulurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan, menyediakan prasarana perumahan, basiswa pendidikan dan banyak lagi kemudahan-kemudahan asas lain yang memberi kesenangan, kecemerlangan dan kesejahteraan kepada rakyat jelata.

Marilah kitani sama-sama hadir beramai-ramai pada Majlis-majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat di daerah-daerah dan inilah peluang untuk kitani menzahirkan rasa terima kasih ke hadapan majlis baginda. - **Ketua Penyuntingan (Sj).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyt Haji Arifin
Muhammad Arif Matali

Ketua Penyuntingan

Mohammad Rainie Haji Durani,
Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahaniawati Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
 32° C 24° C	 32° C 24° C	 32° C 25° C
 31° C 24° C	 32° C 24° C	 32° C 25° C
 32° C 24° C	 31° C 24° C	 32° C 24° C
 32° C 24° C	 31° C 24° C	 32° C 25° C
 32° C 24° C	 32° C 24° C	 32° C 24° C
 32° C 24° C	 32° C 24° C	 32° C 24° C

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Sistem Pendidikan Teknikal menjalani transformasi

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Khamis, 7 Ogos. - Beberapa perubahan utama akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun dalam Sistem Pendidikan Teknikal Brunei bagi memperluaskan pilihan-pilihan yang ditawarkan.

Antara perubahan itu ialah penyusunan semula kursus-kursus, memperluaskan pilihan-pilihan perantisan, membuka lebih banyak peluang bagi menaik tahap, menaik taraf persekitaran latihan, memperkenankan Skim Perkhidmatan Perguruan yang baru dan penamaan semula Jabatan Pendidikan Teknik dan Institusi-Institusi Vokasional.

Perubahan dalam penyusunan semula kursus-kursus menggariskan bagi semua program-program yang ditawarkan direbiu dan dikemaskinikan lagi memastikan penawarannya adalah didorong oleh permintaan dan bukan didorong bekalan.

Manakala kurikulumnya pula dibentuk berdasarkan kepada kecekapan dan penekanan kepada kaedah *hands-on* atau yang bersifat

belajar secara prkatikal.

Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong di Laksamana College of Business (LCB) Graduation Ceremony 2014 yang berlangsung di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa kemahiran para pelajar mestilah disejajarkan dengan keperluan industri dan kerjasama rapat dengan pihak tersebut akan setentunya memperluaskan lagi pilihan-pilihan perantisan dan membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk menaik tarap pendidikan mereka.

Bagi mendukung usaha-usaha ini, jelas Yang Berhormat, persekitaran dalam latihan juga dinaik taraf dan dalam pada masa yang sama, Skim Perkhidmatan Perguruan yang baru akan meningkatkan lagi motivasi dan memantapkan tahap profesionalisme para pendidik kerana dengan perubahan-perubahan sedemikian, ia

sewajarnya akan dapat mengangkat imej dan menyusun semula pendidikan teknik dan vokasional sebagai institusi-institusi pendidikan pasca menengah.

“Bedasarkan potensi bekalan lepasan sekolah dan unjuran kadar pengambilan pelajar, Sistem Pendidikan Teknikal Brunei perlu membangunkan kapasiti latihan sepenuh masa dengan menawarkan lapan ribu buah tempat bagi pelajar dalam tempoh tujuh tahun mendatang,” ujar Yang Berhormat.

Menteri Pendidikan seterusnya menegaskan bahawa pelaksanaan transformasi pendidikan teknik ini adalah tidak akan terkecuali bagi institusi-institusi pengajian tinggi swasta di dalam sama-sama melaksanakan rancangan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional .

Oleh itu, Yang Berhormat berharap agar kolej itu dan semua institusi-institusi pendidikan swasta yang lain dapat memberikan kerjasama dan sokongan yang padu supaya matlamat transformasi ini akan dapat dicapai bagi sama-sama mengorak langkah dalam mentransformasi kualiti sistem pendidikan khususnya dalam bidang teknikal dan vokasional di negara ini.

Yang Berhormat menambah, institusi-institusi pengajian tinggi swasta juga memainkan peranan yang sama pentingnya dalam sama-sama mengasuh dan memupuk kemahiran keusahawanan demi melahirkan sumber tenaga manusia yang kreatif dan berdaya saing.

“Sehubungan ini, perhatian sewajarnya perlu diberikan bagi memastikan program yang ditawarkan menepati keperluan negara dan selari dengan kehendak semasa. Ia juga hendaklah dimantapkan lagi dengan menerapkan amalan-amalan terbaik seperti aplikasi teknologi, dan kurikulum yang mantap,” ujar Yang Berhormat.

Selain itu, jelas Yang Berhormat lagi, usaha-usaha ini perlu disokong dengan memperkenalkan piawaian dan sistem akreditasi kemahiran yang mana akan dapat membantu meningkatkan prospek kerjaya dan kemahiran pelajar kerana usaha-usaha seperti ini akan memastikan kualiti institusi-institusi pendidikan termasuk LCB untuk terus mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu kolej yang relevan kepada keperluan industri dan juga komuniti perniagaan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan ucapan.

Menteri Pendidikan berharap para graduan telah memanfaatkan peluang dalam tempoh pengajian mereka untuk mengembangkan tahap kejayaan diri, kreativiti, kualiti kepimpinan dan juga menanamkan minda yang terbuka mengenai pilihan-pilihan kerjaya yang boleh diterokai misalnya menceburi bidang keusahawanan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan sijil kepada seorang graduan yang menamatkan program mereka di Laksamana College of Business.

GADONG, Khamis, 7 Ogos. - Seramai 485 graduan Laksamana College of Business (LCB) telah menerima sijil masing-masing selepas berjaya menamatkan pengajian dalam berbagai program.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan sijil-sijil dan anugerah pencapaian terbaik kepada graduan

485 graduan LCB terima sijil

LCB, pada Graduation Ceremony 2014 di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, di sini.

Dari jumlah itu, seramai 67 graduan mengikuti BA Common Year 1; 52 graduan mengikuti program University Foundation Course; Cambridge International Diploma in Business terdiri daripada 14 graduan; 72 graduan mengikuti Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing and Systems Development (Februari 2012); 75 graduan Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing and Systems Development (September 2012); Pearson BTEC Level 4 Higher National Certificate in Computing and Systems Development (Februari 2013 and September 2013) terdiri daripada 6 graduan.

Seramai 11 graduan mengikuti

Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Business - Accounting / Marketing (September 2012); 6 graduan mengikuti Pearson BTEC Level 3 National Diploma in Business (September 2012); Pearson BTEC Level 3 National Diploma in Business (Februari 2013) terdiri daripada 38 graduan; Pearson BTEC Level 3 National Diploma in Hospitality (Februari 2013) terdiri daripada 6 graduan.

Pearson BTEC Level 2 Certificate in Business (Februari 2013) terdiri daripada 36 graduan; seramai 49 graduan mengikuti Pearson BTEC Level 2 Certificate in Business (September 2013), 14 graduan mengikuti KCB Higher Diploma in Business Management, 16 graduan mengikuti KCB Advanced Diploma in Business Management, KCB Diploma

in Business Management terdiri daripada 14 graduan, KCB Higher Diploma in Business Management terdiri daripada 11 graduan.

Di majlis itu juga, seramai 19 graduan daripada kesemua program yang ditawarkan telah menerima Anugerah Pencapaian Terbaik daripada pihak LCB.

LCB semenjak penubuhannya pada tahun 2003 telah berjaya memberi peluang kepada kira-kira 2,200 pelajar tempatan dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian mereka di kolej berkenaan.

Dari jumlah tersebut, lebih kurang seramai 550 pelajar telah berjaya menamatkan pengajian mereka di universiti-universiti di United Kingdom yang mempunyai jalinan kerjasama dengan LCB.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menyaksikan aktiviti pembelajaran Sekolah Seri Mulia Sarjana sejurus merasmikan Majlis Pelancaran Kurikulum Rendah Antarabangsa bagi Program Tahun Awal (IPC for Early Years Program) di sekolah tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Sekolah Seri Muliana Sarjana

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Ketika dunia kini semakin bertambah kompetitif dan tuntutan kemahiran menjadi semakin mustahak, sesuatu perlu dilaksanakan oleh setiap institusi pembelajaran.

Bidang pendidikan perlu

berkembang pada masanya, memupuk dan meningkatkan pendekatan semasa untuk mendapatkan hasil yang lebih baik bagi pelajar-pelajar di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berkata

IPC bentuk pembelajaran pelbagai perspektif

demikian pada Majlis Pelancaran Kurikulum Rendah Antarabangsa bagi Program Tahun Awal (IPC for Early Years Program) di Sekolah Seri Mulia Sarjana, di sini.

Yang Mulia Dato Seri Setia berkata, salah satu elemen paling berpengaruh daripada IPC yang telah merubah amalan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan ahli-ahli sekolah ialah keupayaannya untuk menentukan pembelajaran dari pelbagai perspektif melalui pembangunan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman, yang merupakan kombinasi penting dalam memastikan pengalaman pembelajaran yang paling berkesan serta melengkapkan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

IPC untuk tahun awal ini, tambah Yang Mulia Dato Seri Setia, bukan hanya ‘sekumpulan fakta (*bunch of facts*)’ yang perlu dipelajari untuk lulus ujian, tetapi sebaliknya, ia menjadi satu cara untuk menentukan pengetahuan, kemahiran dan pemahaman kanak-kanak yang perlu diperolehi, dan kemahiran praktikal yang mampu dilakukan dan dipamerkan serta membina kefahaman dan kesedaran dengan matlamat peribadi, daya tahan, moral,

komunikasi, rasa hormat dan keupayaan menyesuaikan diri.

Yang Mulia Dato Seri Setia menjelaskan, melahirkan rakyat Brunei yang mampu memainkan peranan masing-masing dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan pada masa yang sama mengekalkan nilai-nilai Melayu dan keislaman yang kuat juga menjadi keutamaan bagi Kementerian Pendidikan.

Falsafah Pendidikan Negara, tambahnya, menggabungkan dua elemen penting iaitu Naqli (dalil yang bersumberkan dari Al-Qur’an dan Hadis) dan Aqli (dalil yang bersumberkan akal fikiran).

Kedua-dua elemen ini, jelas Yang Mulia Dato Seri Setia adalah mustahak dalam pembangunan potensi individu sepenuhnya dan seterusnya melahirkan belia yang berpengetahuan, berkemahiran, setia dan keperibadian yang baik sebagai asas kepada kemunculan identiti selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah, yang merupakan asas penting bagi memastikan kesetiaan kepada negara.

Terdahulu, Yang Mulia Dato Seri Setia berkata, bermula daripada umur muda, inisiatif ini melengkapi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21

(SPN21) yang sedia ada dan akan mempersiapkan pelajar-pelajar dengan matlamat peribadi mereka yang selaras dengan visi Kementerian Pendidikan dalam menyediakan pendidikan yang holistik.

Rakyat masa kini, jelasnya, hidup dalam dunia yang serba digital di mana maklumat mudah diperolehi, anak-anak dapat mencari dan mengakses fakta dan penyelidikan tanpa had dan akhirnya membawa kepada persoalan dan mahu melakukan lebih banyak lagi perkara.

Pelajar-pelajar masa ini, tambah Yang Mulia Dato Seri Setia tidak lagi hanya duduk dan menurut perintah daripada tenaga pengajar, malah mereka yang akan mengarahkan para guru mereka.

Jelasnya, para pelajar akan mengisytiharkan keinginan mereka untuk terlibat dan perubahan ini menandakan bahawa gaya pembelajaran, pendekatan dan metodologi adalah terdedah kepada pengubahsuaian dan penyesuaian yang akan memenuhi proses setiap individu dalam memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kefahaman.

Kontrak RPN Lugu ditandatangani



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyaksikan penandatanganan kontrak bagi Projek Rancangan Perumahan Negara Lugu.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan dan Bina Puri Brunei Sendirian Berhad menandatangani Perjanjian Kontrak bagi projek perumahan di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lugu.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan majlis penandatanganan yang berlangsung di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Kemajuan Perumahan ialah Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Sa'adon bin Haji Hanafi dan disaksikan oleh Pemangku Jurutera Kerja Kanan, Jabatan Kemajuan Perumahan, Awang Haji Ariffin bin Haji Suhaili.

Sementara itu, menandatangani bagi pihak Bina Puri Brunei Sendirian Berhad pula Pengerusinya, Datuk Ali bin Abdullah dan disaksikan

oleh Pengarahnya, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Awang Besar.

Projek RPN Lugu, Daerah Brunei-Muara yang dikendalikan oleh Bina Puri Holdings Berhad berkonsepkan 'Design and Build' ini menelan belanja lebih BND109 juta di mana ia dijangka siap dalam tempoh 24 bulan bermula pada Ogos ini.

Pada tapak seluas 193 hektar, projek ini termasuk kerja-kerja tanah, infrastruktur dan membina satu ribu (1,000) unit rumah jenis kluster dan dengan keluasan lantai 130 meter persegi, rumah jenis kluster ini dilengkapi dengan empat bilik tidur, tiga bilik mandi, dapur dan tempat letak kereta.

Pelan induk bagi projek ini juga dilengkapi dengan kawasan yang disediakan bagi pembinaan kemudahan-kemudahan awam pada masa akan datang seperti sekolah, masjid, bangunan komersial, pusat kesihatan, pondok polis dan balai bomba.

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan secara berterusan berusaha melaksanakan beberapa projek perumahan di seluruh negara bagi meningkatkan hasil perumahan untuk memenuhi kehendak dan keperluan rakyat negara ini selaras dengan Wawasan Negara 2035 dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terjamin.

Dengan adanya projek ini ia

akan dapat mempercepatkan lagi peruntukan rumah-rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Turut hadir pada mailis tersebut, Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Shahrom bin Haji Suhaimi, Penghulu Mukim Sengkulong, Ketua Kampung Lugu, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Pembangunan.



MENTERI Pembangunan ketika menyaksikan serah-menyerah dokumen di antara Jabatan Kemajuan Perumahan dengan pihak pemaju, bertempat di Kementerian Pembangunan.

Timbalan Menteri Pertahanan menerima kunjungan muhibah



KETUA Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand (ABDT), Tuan Yang Terutama Jeneral Tanasak Patimapragorn membuat kunjungan muhibah kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Kementerian Pertahanan menerima lawatan daripada Ketua Turus Pertahanan,

Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Tanasak Patimapragorn bertempat di Bangunan Kementerian Pertahanan, Berakas di

Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

sini.

Sejurus ketibaan, Tuan Yang Terutama menerima tabik kehormat dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada para anggota Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB).

TYT kemudiannya mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa menerima kunjungan muhibah daripada Ketua Turus Pertahanan, ABDT, TYT Jeneral Tanasak Patimapragorn.

Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan), pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Lawatan TYT ke Kementerian Pertahanan antaranya bertujuan

bagi memahami secara mendalam berkenaan pertahanan dan mempertingkatkan hubungan di bidang pertahanan antara kedua-dua buah negara yang sudah terjalin sekian lama.

39 peserta OJT tandatangani kontrak bekerja tetap

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Ogos. - Seramai 39 orang peserta yang telah berjaya menjalani 'On The Job Training' (OJT) selama tiga bulan menerima sijil masing-masing dan terpilih untuk menandatangani kontrak bekerja secara tetap selama dua tahun yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), di sini.

Mereka telah berjaya menjalani OJT bagi beberapa jawatan tertentu antaranya Admin Coordinator, Credit Control, Janitor, Barista, Tukang Masak, Office Assistant, Jurujual, Admin Clerk, Web Designer, Account Executive, Pest Control Tech, Service Supervisor, Service Crew, Teknisyen

Makmal, Pekerja Kilang, Pelukis Pelan dan General Worker.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil dan seterusnya menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap.

Kontrak Bekerja Secara Tetap tersebut ditandatangani oleh tiga pihak tertentu iaitu dari wakil Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), KHEDN, Dayangku Siti Khatizah binti Pengiran Bakar selaku Pemangku Ketua APTK bersama dengan wakil majikan dan peserta Skim Latihan dan Pekerjaan.

Antara syarikat yang terlibat ialah Syarikat Rentokil Initial (B) Sdn. Bhd. Borneo United Sendirian Berhad, Coffee Bean and Tea Leaf, Satami Food & Catering Services, Syarikat Teeyem Majeed, M-Porium Jaya Department Store Sdn. Bhd., S & L Trading Co., Brudirect.Com, Best Eastern, J-Fa Sdn. Bhd., Makan Ceria Sdn. Bhd., Superwater Marketing Sdn. Bhd. dan Gemilang Latif Associates.

Majlis itu merupakan langkah ketiga bagi Skim Latihan dan Pekerjaan di mana para peserta perlu menjalani bekerja secara tetap selama dua tahun di tempat yang sama dan mereka juga layak untuk menerima insentif kewangan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebanyak BND2,500



MAJLIS Menandatangani Kontrak Bekerja Secara Tetap antara Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, wakil majikan dan peserta Skim Latihan dan Pekerjaan.

secara berperingkat-peringkat mengikut kedatangan dan prestasi masing-masing.

APTK berharap agar lebih ramai lagi pencari kerja tempatan mendaftar di agensi berkenaan dengan komitmen

mahu bekerja di sektor swasta dan bertahan lebih lama dalam pekerjaan dan majikan yang sedia ada untuk mengikuti perintah pekerjaan 2009 dengan memberikan tempat bekerja yang lebih kondusif dan selesa.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus bersemarak

Hospital PMMPMHAMB

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Sabtu, 9 Ogos. - Sebanyak 75 *hamper* Hari Raya diberikan kepada pesakit-pesakit di Wad Kanak-Kanak, Wad Pediatrik, Wad Perubatan Lelaki dan Wad Perubatan Perempuan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), di sini.

Hamper tersebut disampaikan pada Majlis Sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri 1435 Hijrah / 2014 Masihi bagi Hospital PMMPMHAMB, berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan

Tutong.

Tetamu kehormat majlis Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah menyempurnakan penyampaian *hamper* tersebut.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul

Jalil; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd. Jaafar; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal), Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Kira-kira 250 kakitangan Kementerian Kesihatan khususnya pegawai dan kakitangan di Hospital PMMPMHAMB, Tutong menghadiri majlis tersebut.

Majlis turut diserikan dengan persembahan pentas, menikmati juadah Hari Raya dan ramah mesra antara pegawai dan kakitangan bersama Menteri Kesihatan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyampaikan *hamper* kepada pesakit-pesakit di Wad Kanak-kanak, Wad Pediatrik, Wad Perubatan Lelaki dan Wad Perubatan Perempuan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Jabatan Daerah Temburong (JDT),

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Sabtu, 9 Ogos. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berserta rombongan mengadakan kunjungan Hari Raya bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Temburong (JDT), berlangsung di kediaman rasmi Pegawai Daerah Temburong, Pekan Bangar, di sini.

Kunjungan sedemikian memberi peluang kepada warga JDT serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) untuk bersemuka dan berinteraksi dengan Yang Berhormat, di samping dapat mengerat dan memperkukuhkan lagi hubungan persaudaraan dan kesefahaman antara warga kementerian dengan jabatan-jabatan dan MPMK.

Ketika berucap dalam majlis itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa dalam kesibukan berhari raya pada tahun ini negara juga sibuk membuat persiapan bagi sambutan Ulang Tahun

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun. Sesungguhnya, ujar Yang

Berhormat, sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memanglah satu tugas yang besar bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan yang memerlukan *multitasking*.

Perkara itu, jelas Yang Berhormat, merupakan tanda rakyat dan penduduk



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman mengadakan kunjungan berhari raya bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Temburong.

Pejabat Peguam Negara



MAJLIS Berhari Raya dihoskan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh bagi pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9hb Ogos. - Walaupun bulan Syawal telah memasuki minggu kedua, Hari Raya Aidilfitri masih lagi disambut dengan meriah di seluruh negara.

Hari ini Pejabat Peguam Negara telah mengadakan satu Majlis Berhari Raya Bersama Yang Berhormat Peguam Negara berlangsung di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Majlis tersebut dihoskan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir ialah Peguamcara Negara, Dayang Naimah binti Md. Ali, pegawai-pegawai kanan, dan juga pegawai serta kakitangan di Pejabat Peguam Negara.

di negara ini merayakan satu perayaan yang bersifat kenegaraan yang memang dapat dijadikan sebagai wadah untuk memperkukuh patriotisme dan rasa kecintaan kepada negara.

Dalam kesibukan-kesibukan tersebut, Yang Berhormat juga melahirkan harapan agar perkara-perkara yang perlu diselesaikan segera sama ada yang melibatkan orang perseorangan mahupun berkelompok hendaknya tidak diabaikan.

Antara yang menyertai rombongan

berhari raya ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis juga dihadiri oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; para pegawai dan kakitangan JDT dan ahli-ahli MPMK.

Syarikat Brunei Shell Petroleum BSP

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

SERIA, Sabtu 9, Ogos. - Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) menganjurkan Majlis Rumah Terbuka sempena Hari Raya khas bagi penduduk dan masyarakat Daerah Belait yang berlangsung di Pusat Insani Seria.

Acara yang dikendalikan oleh Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) itu merupakan salah satu inisiatif pelaburan sosial tahunan yang bertujuan memupuk hubungan harmoni selain mengeratkan silaturahim melalui sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan masyarakat tempatan.

Pada majlis tersebut, penduduk tempatan dan pekerja BSP juga hadir bersama keluarga dan beramah mesra dengan rakan-rakan sambil menikmati pelbagai juadah yang telah disediakan.

Selain disaji dengan pelbagai juadah, mereka yang terdiri daripada semua peringkat umur mengambil bahagian dalam cabaran yang menarik dan aktiviti-aktiviti seperti membuat murtabak, cabaran masakan buah-buahan, pertunjukan sains serta pertunjukan silap mata.

OGDC merupakan projek perdana bagi pelaburan sosial BSP.

Antara yang hadir ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan isteri dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Dulani dan isteri. Juga hadir termasuklah pegawai-pegawai kerajaan dan juga penghulu, ketua kampung dan penduduk dalam komuniti Belait.

Turut hadir ialah Pengarah Komersial, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya dan beberapa pengurusan kanan BSP.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Dulani bergambar ramai bersama para jemputan yang terdiri daripada semua peringkat umur yang mengambil bahagian dalam cabaran yang menarik dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa menerima hadiah masing-masing.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus bersemarak

Kementerian Pendidikan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohiddin

RIMBA, Ahad, 10 Ogos. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih diraikan dengan meriahnya dari kalangan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di seluruh negara.

Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya tidak ketinggalan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Tahun 1435H / 2014M yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Rimba II, di sini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan isteri hadir sama bagi memeriahkan sambutan berkenaan.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Majlis berkenaan telah dikendalikan bersama oleh Unit Pendidikan Khas, Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah,



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Datin semasa hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Kementerian Pendidikan.

Unit Perhubungan Awam dan Pusat STEP, Kementerian Pendidikan dengan tema sambutannya 'Sepadu Berkonsepkan MIB'.

Majlis memuatkan tayangan video digital yang mengutarakan ucapan Hari Raya daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, jabatan-jabatan dan sekolah-sekolah serta institusi-institusi Pendidikan.

Sambutan diserikan dengan persembahan pentas daripada murid-murid dari Sekolah Rendah Rimba II dan Sekolah Menengah Rimba II yang mempersembahkan deklamasi

Sajak 'Catatan Rindu Aidilfitri', Tarian Qayum Oh Ya Qayum, Tarian Samalindang, Joget Raya, Koir 'Suasana Hari Raya' dan persembahan tarian O Kanak-Kanak - Ambuk Di Tunjang dan Suasana Hari Raya.

Kementerian berharap majlis berkenaan akan dapat memupuk semangat kekeluargaan dan kesepaduan dalam mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan warga kementerian yang mampu bergerak sebagai satu pasukan yang efisien dan bersepadu demi mencapai visi kementerian dan menuju Wawasan Negara.

Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk memberikan peluang kepada warga Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk

bermaaf-maafan dan memupuk semangat perasaan muhibah di kalangan pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaedi bin Haji Abdul Rahman dan isteri; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal Abidin; Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus serta pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



ANTARA acara yang dipersembahkan oleh anak-anak pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan pada Majlis Sambutan Hari Raya kementerian itu.

Rombongan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Haji Bahar dan Datin ketika mengadakan kunjungan berhari raya ke Mukim Melilas dan Mukim Sukang Ulu Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

MELILAS, Sabtu, 9 Ogos. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Datin telah mengadakan kunjungan berhari raya ke Mukim Melilas dan Mukim Sukang Ulu Belait.

Kunjungan berkenaan adalah bagi sama-sama merayakan sambutan Hari Raya bersama penduduk yang tinggal di pedalaman dan menghidupkan suasana saling kunjung-mengunjungi di antara satu sama yang lain, di samping bagi mengeratkan lagi silaturahim.

Majlis yang diadakan di Rumah Panjang Mukim Melilas diserikan dengan persembahan Tarian Najat dari penduduk kampung, di samping penyampaian sumbangan Hari Raya daripada tetamu kehormat kepada penduduk kampung.

Tetamu kehormat menyatakan kesyukuran kerana dapat bersama-sama berhari raya dengan penduduk Kampung Sukang pada tahun ini dan semoga ianya dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

Rombongan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama juga mengadakan kunjungan ke Mukim Sukang, Ulu Belait.

Menyertai rombongan ialah Setiausaha Tetap II Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam; Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Jeffreyol Hafli bin Pengiran Haji Ali dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Ketua Kampung Lumut 1 serta pegawai-pegawai kerajaan.

MPK Mentiri

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MENTIRI, Ahad, 10 Ogos. - Majlis Sambutan Hari Raya menjadi wadah untuk menggabungkan penduduk-penduduk kampung dari kalangan warga emas, golongan belia, kanak-kanak, anak-anak yatim termasuk mereka yang kurang berkemampuan bagi sama-sama merasakan kemeriahan suasana Hari Raya.

Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mentiri telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri 1435H / 2014M, bertempat di Taman Riadah Kampung Mentiri.

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Sunadi bin Haji Buntar hadir selaku tetamu kehormat.

Seramai 12 orang ahli MPK yang aktif dan bergiat cergas menerima hadiah penghargaan.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan Dikir

Syarafil Anam oleh Biro Wanita iaitu Kumpulan Al-Amirah yang merupakan Johan Pertandingan Dikir Syarafil Anam antara Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Peringkat Akhir Senegara 2013 dengan tajuk lagu mereka 'Al-Haud'.

Sementara persembahan nyanyian lagu Hari Raya daripada kanak-kanak MPK dan Biro Belia turut menghiburkan pengunjung.

Tetamu kehormat juga di bawa melawat ke pondok-pondok makanan dan beramah mesra bersama ahli-ahli MPK dan penduduk kampung.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara kemasyarakatan tahunan yang dilaksanakan oleh MPK Mentiri untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan perpaduan kejiwaan dalam kalangan penduduk kampung.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohd. Sunadi bin Haji Buntar dan isteri ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kampung Mentiri.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus bersemarak

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Ogos. - Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Bangunan Kementerian berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah.

Majlis diserikan dengan beberapa persembahan hiburan dari warga perkhidmatan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sambutan kali ini berkonsepkan 'Memperkenalkan Makanan Sihat Dalam Hidangan' yang mana setiap jabatan menyediakan pondok-pondok makanan dengan hidangan menu yang berbeza.

Pada tahun ini, acara dianjurkan oleh Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Dasar dan Perancangan, Jabatan Teknologi Penjagaan Kesihatan dan Jabatan Pemeliharaan Estet, Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Dengan adanya penglibatan daripada semua pegawai dan kakitangan berkenaan adalah diharapkan sambutan Hari Raya pada tahun ini akan menjana hubungan yang lebih baik dan mesra di samping mempromosikan semangat kerja berpasukan di kalangan warga kementerian tersebut.

Majlis itu merupakan salah satu aktiviti tahunan kementerian berkenaan yang antara lain bertujuan untuk beramah mesra sekaligus mengeratkan lagi hubungan silaturahmi.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Pengarah serta Pengarah-Pengarah Kementerian Kesihatan.

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan isteri Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Hanafiah mencuba masakan sihat sempena sambutan Hari Raya Kementerian Kesihatan.



Kementerian Hal Ehwal Ugama

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1435 Hijriah yang diadakan di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah dalam sama-sama memeriahkan lagi suasana Hari Raya tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan isteri, Datin Hajah Alimah binti Mohd. Taib.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah bahagian, pegawai dan kakitangan KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dalam ucapannya pada majlis tersebut berkata, antara objektif majlis tersebut diadakan adalah untuk memberi sokongan ke arah menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam di negara



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa mengunjungi pondok-pondok jamuan yang menghidangkan pelbagai aneka hidangan.

ini khususnya di peringkat kementerian dan juga jabatan-jabatan di bawahnya.

Selain itu tambahnya, majlis tersebut juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi di antara warga kementerian dan jemputan-jemputan khas, di samping menerapkan nilai-nilai kesefahaman melalui jalinan kerjasama, bersatu padu, bantu-membantu, ziarah-menziarahi, bermaaf-maafan dan seterusnya mewujudkan hubungan kekeluargaan yang erat.

Majlis kemudian diteruskan dengan deklamasi sajak bertajuk

'Roh Aidilfitri' yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan diikuti dengan persembahan bercorak keagamaan yang dipersembahkan oleh Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.

Yang Berhormat bersama para jemputan khas kemudiannya beramah mesra bersama pegawai-pegawai dan kakitangan serta keluarga masing-masing diikuti mengunjungi pondok-pondok jamuan, di samping menikmati pelbagai aneka hidangan.

Perundingan Kampung (MPK) Labi II



PEGAWAI Daerah Belait, Haji Haris bin Othman meninjau ke salah satu pondok buah-buahan tempatan yang ada di majlis berkenaan.

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ihsan Pejabat Daerah Belait

LABI, Ahad, 10 Ogos. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labi II telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bagi mengeratkan silaturahmi tanpa mengira bangsa, agama dan budaya.

Antara yang hadir termasuk Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan isteri serta Penasihat MPK Labi II, Datin Hajah Hazizah binti Haji Adam. Majlis diadakan di Dewan Serbaguna Mukim Labi, di sini.

Ketua Kampung Labi II, Awang Haji Metussin bin Matzin menyampaikan rasa syukur dan terima kasih kepada ahli-ahli MPK Labi II kerana sama-sama menjayakan majlis tersebut dan merancang akan bekerjasama membantu mengadakan acara-acara yang diraikan oleh bangsa-bangsa yang ada di kampung mereka.

Melalui majlis itulah penduduk kampung dapat bermaaf-maafan antara satu sama lain sambil mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Hadir sama Timbalan Pengerusi MPK Labi II, Yang Dimuliakan Pehin Dato Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Shahri bin Ahmad, Pemangku Penghulu Mukim Labi, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Labi II dan penduduk Mukim Labi.

Persatuan PERTIWI

JERUDONG, Ahad, 10 Ogos. - Yang Dipertua Persatuan PERTIWI Negara Brunei Darussalam, Datin Dayang Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof berkata, penglibatan ahi-ahli Persatuan PERTIWI dari segi tenaga, buah fikiran, serta sumbangan yang ikhlas diharap tidak akan terhad malah akan lebih bersemangat.

Katanya, usaha padu mereka akan dapat diteruskan dalam apa jua kegiatan PERTIWI pada masa akan datang.

Datin Dayang Hajah Siti Hajar menyatakan, perkara tersebut pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Persatuan PERTIWI Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi yang berlangsung di Parkview Hotel, di sini.

Menurut Datin Dayang Hajah Siti Hajar, sambutan yang diadakan tersebut membolehkan para ahli persatuan berkenaan untuk lebih mesra, di samping merapatkan lagi

hubungan silaturahmi dalam kalangan ahli-ahlinya.

Majlis sambutan turut diserikan dengan persembahan daripada Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan PERTIWI Daerah Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Daerah Temburong, selain pertandingan Suara Emas oleh ahli-ahli persatuan berkenaan.

Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Persatuan PERTIWI merupakan salah satu projek tahunan persatuan tersebut setelah selesainya projek bertadarus pada bulan Ramadan yang baru berlalu.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut ialah Penasihat Persatuan PERTIWI, Datin Paduka Hajah Zahrah binti Haji Idris; Pengerusi Tetap Persatuan PERTIWI, Datin Paduka Hajah Jusnani binti Haji Lawie, Pengerusi-pengerusi Persatuan PERTIWI Cawangan di keempat-empat daerah, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Persatuan PERTIWI, Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan Persatuan

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

PERTIWI di keempat-empat daerah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi, Ahli-ahli persatuan dan keluarga masing-masing.

Persatuan PERTIWI merupakan salah satu pertubuhan wanita di Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan pada tahun 1968 dan ahli-ahlinya terdiri daripada wanita tempatan yang berusia 18 tahun ke

atas yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat dari keempat-empat daerah di negara ini.

Persatuan tersebut aktif dalam memberikan sumbangan dan khidmat kepada masyarakat misalnya pada bulan Ramadan yang lalu di mana persatuan ini telah menghulurkan beberapa sumbangan derma kepada anak-anak yatim di negara ini.



ANTARA yang hadir di Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Persatuan PERTIWI Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus bersemarak

KHEDN Daerah Belait

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Rabu, 6 Ogos. - Aidilfitri membawa maksud (kembali kepada fitrah), menunjukkan perayaan yang kita sambut memberi makna atau erti yang lebih luas.

Apabila berakhir Ramadan umat Islam akan menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri, dengan maksud kembali kepada asal fitrah manusia dijadikan dan Aidilfitri juga suatu anugerah dari Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang beriman, selepas sebulan kita mengerjakan ibadah puasa, dengan pelbagai ujian yang ditempuhi.

Dengan yang demikian, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman mengingatkan kita supaya menilai diri masing-masing, adakah selepas sebulan berpuasa menjadikan kita hamba yang betul-betul bertakwa dan menambahkan lagi keimanan, kesedaran kita kepada Allah

Subhanahu Wata'ala.

Bagi masyarakat bukan Islam, kata Yang Berhormat, Hari Raya merupakan satu keraian bangsa dan transformasi daripada ajaran agama Islam dalam hal-hal berkaitan bersama, saling menghormati; saling bekerjasama sesama warga tidak mengira agama, kepercayaan dan latar belakang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan demikian pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) di Daerah Belait yang diadakan di Dewan Persidangan, di sini.

Majlis bagi jabatan-jabatan dan cawangan di bawah KHEDN di Daerah Belait bersama pemimpin-pemimpin akar umbi serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Daerah Belait turut dihadiri Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja

Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, pegawai-pegawai kanan KHEDN dan ketua-ketua jabatan dan cawangan di bawah KHEDN.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dalam ucapan alu-aluannya berharap sambutan tersebut akan memberi kesan yang mendalam dalam diri semua warga KHEDN termasuk ahli-ahli MPMK bukan saja mengeratkan silaturahim bahkan juga sama-sama berperanan memberi kerjasama dan komitmen, menunaikan tugas dan tanggungjawab masing-masing menaati kepentingan dan seterusnya merealisasikan hasrat Kementerian dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta dalam meraih taufiq, hidayah dan redha Allah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kawasan 1 Daerah Belait, Awang Akop bin Haji Lamat dan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin melawat pondok-pondok yang disediakan antaranya pondok buah-buahan.

disusuli ucapan alu-aluan Pegawai Daerah.

Majlis diteruskan dengan ramah mesra Yang Berhormat dan rombongan bersama pegawai dan kakitangan jabatan dan cawangan di bawah KHEDN dan juga pemimpin akar umbi dan ahli-ahli MPMK.

Format sambutan berupa acara rumah terbuka mukim-mukim di Daerah Belait dengan setiap mukim menyediakan pondok-pondok makanan dan minuman untuk

disajikan kepada yang hadir.

Majlis seumpama itu boleh mengeratkan silaturahim antara warga KHEDN dengan kakitangan dan cawangan di bawahnya dan juga pemimpin akar umbi dan ahli-ahli MPMK.

Di samping itu, inilah masanya bagi warga kementerian beramah mesra dengan lebih dekat lagi antara pegawai-pegawai atasan dan bawahan.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa bergambar ramai bersama pemimpin-pemimpin akar umbi di Daerah Belait dan pegawai-pegawai Jabatan Daerah Belait.



BIRO wanita berpeluang bergambar bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

KHEDN Daerah Tutong

Oleh : Aryentty Haji Ariffin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin beramah mesra bersama pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN.

TUTONG, Khamis, 7 Ogos. - Aidilfitri merupakan suatu anugerah yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada umatnya dengan menzahirkan rasa keinsafan, kemaafan dan meningkatkan semangat muhibah yang terjalin sekian lama dan membawa maksud kembali kepada

fitrah asal di mana ia dirayakan setelah umat Islam berjaya mengharungi sebulan berpuasa.

Dalam konteks Aidilfitri, ia dapat merapatkan hubungan silaturahim sesama keluarga, saudara-mara termasuk juga mengeratkan hubungan dalam hidup bermasyarakat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan demikian pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya Cawangan Daerah Tutong di Dewan Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali berkata, melalui majlis yang penuh muhibah itu boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan lagi kerjasama yang sedia ada dengan agensi-agensi kerajaan di bawah KHEDN terutama terhadap usaha-usaha yang mejurus kepada memantapkan lagi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di daerah ini.

“Kerjasama yang erat lagi padu di kalangan pemimpin akar umbi dan agensi-agensi yang berkenaan di daerah ini memang sedia wujud dan ini jelas dilihat melalui berbagai-bagai aktiviti tanpa mengira sama ada yang diselenggarakan di dalam daerah mahupun di luar daerah serta semasa daerah ini menghadapi bencana alam dalam memberikan bantuan kepada orang-orang yang memerlukan,”



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan ucapan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

ujar beliau lagi.

Pada majlis yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Buruh Tutong, Jabatan Bomba dan Penyelamat Operasi ‘E’ Tutong, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Tutong serta Jabatan Penjara Maraburong itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berpeluang beramah mesra dengan para jemputan termasuklah pemimpin-pemimpin akar umbi dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di Daerah Tutong serta pegawai dan kakitangan jabatan-

jabatan dan cawangan-cawangan di bawah KHEDN di Daerah Tutong, di samping menikmati beraneka jenis juadah makanan yang disajikan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Pegawai Daerah Tutong, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Tutong serta pegawai-pegawai kanan KHEDN.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri terus bersemarak

Kementerian Pertahanan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Jumaat, 8 Ogos. - Walaupun sudah memasuki minggu kedua namun majlis-majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri terus dianjurkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta dan pihak persendirian.

Sehubungan itu, Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri

yang berlangsung di Banquet Hall, Pusat Pameran Pertahanan Antarabangsa Brunei (BRIDEX).

Majlis dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat selaku tetamu kehormat bersama isteri.

Juga hadir Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB),

Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah bersama ahli-ahli Komiti Eksekutif Kementerian Pertahanan.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat dan isteri beramah mesra dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB serta kaum keluarga mereka.

Di samping itu, para tetamu yang hadir juga turut dihiburkan persembahan pencaragam dari ABDB yang menampilkan pelbagai persembahan yang menarik dari kalangan pegawai dan kakitangan di bahagian-bahagian dan unit-unit di bawah Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Suasana ramah mesra hari raya itu juga turut diserikan dengan reka bentuk pondok juadah yang dihias dan direka dengan kreatif yang menyajikan pelbagai hidangan yang menarik dan menyelerakan.

Majlis seumpama ini merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pertahanan bagi memupuk rasa silaturahim dan kerjasama antara warga kementerian dengan para pegawai dan kakitangan serta para anggota tentera dalam sama-sama memeriahkan lagi sambutan hari raya aidilfitri bersama sahabat handai dan kaum keluarga masing-masing.



PERSEMBAHAN daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan menyerikan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri.



MAJLIS Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Pertahanan dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat selaku tetamu kehormat. Juga hadir Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Mohd. Tawih bin Abdullah bersama ahli-ahli Komiti Eksekutif Kementerian Pertahanan.



Penuntut Brunei di UK



PESURUHJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin bergambar ramai dengan pegawai-pegawai di Brunei Hall dan mahasiswa Negara Brunei Darussalam di United Kingdom.

Laporan : Samle Haji Jait
Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali dari United Kingdom, London

UNITED KINGDOM, LONDON, Rabu, 6 Ogos. - Mahasiswa dan mahasiswi Negara Brunei Darussalam yang tidak berkesempatan pulang ke Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Raya Aidilfitri telah meraikannya di Brunei Hall, Norfolk Square, London, di sini.

Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin hadir bagi sama-sama menceriakan sambutan yang juga dihadiri oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi dan rakan-rakan masyarakat Islam.

"Sambutan ini memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi yang tidak berkesempatan pulang ke Brunei untuk sama-sama memeriahkan sambutan Hari Raya.



SEBAHAGIAN daripada pelajar Brunei bergambar kenangan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Brunei Hall.

Inilah peluang terbaik buat semua penuntut yang belajar dari beberapa universiti di sini untuk berhimpun bagi beramah mesra," jelas Pemangku Pengarah Pengajian Unit Penuntut-Penuntut, Awang Khalid bin Haji Sulaiman.

Menurutnya, pihaknya juga telah membesarkan kedatangan hari kemenangan umat Islam itu dengan mengadakan majlis bertakbir dan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.

"Saya mewakili pegawai dari Brunei Hall mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua keluarga dan sahabat handai di Negara Brunei Darussalam," katanya.

Para mahasiswa dan mahasiswi yang tidak berkesempatan pulang sama-sama merayakan sambutan Hari Raya di Brunei turut melahirkan rasa terharu sambil memohon kemaafan kepada semua keluarga, sanak saudara dan rakan-rakan di Negara Brunei Darussalam.

Penuntut Pusat Ehsan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

BENGKURONG, Jumaat, 8 Ogos. - Para penuntut Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam diraikan dalam Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri, berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Kilanas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemegang Amanah Kanan, Dato Paduka Awang Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab dan Pemegang Amanah Dasar dan Perancangan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Awang Haji Sanif bin Haji Tarip.

Majlis disusuli dengan penyampaian 'Goodie Bags' kepada penuntut-penuntut pusat berkenaan yang disempurnakan oleh tetamu-tetamu kehormat majlis.

Sambutan berkenaan diserikan lagi dengan nyanyian daripada Aiman (Kelas Vokal) dengan dendangan lagu 'Ku Pohon Restu Ayah Bonda' dan 'Salam Aidilfitri'.

Juga dipersembahkan ialah tarian-tarian daripada Kelas EIP 'Balik Kampung', tarian daripada Unit Kraftangan, persembahan 'Frozen' daripada Syahmi (Kelas Middle), manakala persembahan nyanyian daripada pegawai dan kakitangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menutup tirai sambutan berkenaan.

Pusat tersebut merupakan sebuah badan kebajikan bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan, menyediakan pembelajaran khas, latihan, pemedulian dan perkhidmatan pemulihan anggota badan kepada insan-insan istimewa (kurang upaya atau berkeperluan khas) di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini 150 penuntut istimewa berdaftar di Pusat Ehsan Bengkong dan 50 lagi di Cawangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Kuala Belait.



SALAH seorang penuntut dari Pusat Ehsan menerima 'Goodie Bags' daripada tetamu kehormat.

Fidyah perempuan hamil dan perempuan yang menyusukan anak

Kadar fidyah

FIDYAH puasa ialah memberi makan fakir miskin sebanyak satu *mudd* (cupak) beras atau apa-apa juga bijirin yang menjadi makanan asasi sesebuah negeri itu. Satu *mudd* itu adalah sebagai ganti bagi satu hari puasa yang ditinggalkan dan kadar satu *mudd* itu bersamaan 15 tahlil (566.85 gram).

Bagi Negara Brunei Darussalam, makanan asasi majoriti penduduknya adalah Beras Wangi, Beras Siam dan terdapat juga penduduk yang memakan beras *kabun* (beras tempatan) sebagai makanan asasi.

Oleh yang demikian, seorang perempuan hamil atau menyusukan anak wajib membayar fidyahnya daripada jenis beras tersebut atau jenis beras yang biasa dimakannya daripada beras tersebut. Walau bagaimanapun, membayar fidyah dengan jenis beras yang paling tinggi (mutu dan nilainya) adalah lebih mendatangkan kebaikan dan adalah sebagai tanda berlemah lembut (menghormati dan mengasihi) terhadap golongan fakir atau miskin.

Dalam menentukan jumlah fidyah yang perlu dibayar, kadar satu *mudd* itu hendaklah didarab atau diganda dengan jumlah hari-hari puasa yang ditinggalkan.

Sebagai contoh, seorang perempuan hamil yang takut berlaku mudarat kepada kandungannya, meninggalkan puasa sebanyak 20 hari pada bulan Ramadhan 1435H. Dalam hal ini adalah wajib ke atasnya membayar fidyah di samping tuntutan mengqadha puasa yang tertinggal.


Puasa yang ditinggalkan fidyah yang perlu dibayar

Puasa yang ditinggalkan	Fidyah yang perlu dibayar	
	<i>mudd</i>	gram/kg
1 hari	1 <i>mudd</i>	566.85 gram
20 hari	20 <i>mudd</i> x 566.85g	11337 g/ 11 kg 337 g

Dari segi gantian nilai pula, harus bertaqlid dengan mazhab Hanafi bagi sesiapa yang hendak membayar fidyahnya dengan harganya atau wang.

Oleh yang demikian, gantian harga atau wang kepada satu *mudd* (yang bersamaan 15 tahlil atau 566.85 gram) bagi satu hari puasa Ramadhan yang ditinggalkan ialah \$0.71 (tujuh puluh satu sen) bagi Beras Wangi ataupun \$0.48 (empat puluh lapan sen) bagi Beras Siam.

Puasa yang ditinggalkan fidyah yang perlu dibayar



Sambung minggu lepas

Puasa yang ditinggalkan	Fidyah yang perlu dibayar			
	<i>mudd</i>	gram/kg	\$ (Beras Wangi)	\$ (Beras Siam)
1 hari	1 <i>mudd</i>	566.85 gram	\$0.71	\$0.48
20 hari	20 <i>mudd</i> x 566.85g	11337 g/ 11 kg 337 g	\$14.20 (0.71 x 20 hari)	\$9.60 (0.48 x 20 hari)

Bagi perempuan hamil atau yang menyusukan lebih daripada seorang anak, adalah memadai ke atasnya membayar fidyah dengan kadar satu *mudd* bagi setiap satu hari puasa yang ditinggalkan.

Beberapa permasalahan atau kekeliruan berkenaan dengan fidyah perempuan hamil atau yang menyusukan anak

1. Tidak sempat mengqadha puasa dan membayar fidyah.

Pada dasarnya, orang yang tidak sempat mengqadha puasa sehingga masuk Ramadhan berikutnya sedang dia berupaya untuk melakukannya, adalah diwajibkan ke atasnya fidyah. Fidyah akan berganda mengikut ulangan Ramadhan sekiranya qadha puasa belum ditunaikan sehingga masuk Ramadhan berikutnya.

Adapun jika dia tidak sempat mengqadha puasa disebabkan keuzuran yang berterusan, sebagai contoh dia hamil, kemudian menyusukan anaknya dan belum sempat mengqadha puasanya dia hamil lagi dan menyusukan, maka dalam perkara ini, tidak

JIKA seorang perempuan hamil atau menyusukan anak tidak dapat menunaikan puasa pada bulan Ramadhan tersebut, tidak harus (tidak boleh) dia menyegerakan membayar fidyah sebelum masuk bulan Ramadhan. Sebagai contoh, jangan menyegerakan membayar untuk dua hari atau lebih bagi puasa yang akan ditinggalkannya atau membayar tiga puluh mudd untuk tiga puluh hari puasa yang akan ditinggalkannya sebelum masuk bulan Ramadhan berkenaan.

diwajibkan ke atasnya fidyah disebabkan perbuatan lambat mengqadha puasa itu sebagaimana diwajibkan fidyah ke atas orang yang berkesempatan atau berupaya untuk mengqadha puasa tetapi tidak melakukannya.

Akan tetapi dia (yang berterusan uzur) itu tetap wajib membayar fidyah sekiranya dia berbuka kerana takut mendatangkan mudarat kepada anaknya.

Dalam perkara ini perlu diingat, menurut mazhab Syafi'e, kewajipan qadha puasa yang ditinggalkan masih tetap bertanggung ke atasnya sehingga ia dilaksanakan.

2. Meninggal dunia sebelum sempat mengqadha puasa atau membayar fidyah.

Jika lambat mengqadha puasa disebabkan keuzuran yang dibenarkan syara' (termasuk hamil dan menyusukan anak), dan berterusan keadaan tersebut sehingga dia meninggal dunia, maka tidaklah dia berdosa bahkan tidak diwajibkan waris mengqadha puasa mahupun membayar fidyah dari harta peninggalannya.

Walaupun bagaimanapun, jika dia lambat mengqadha puasa, sedang dia berupaya untuk melakukannya, maka adalah wajib ke atas wali atau waris untuk melakukan sama ada dengan mengqadha puasa atau membayar fidyah jika orang yang mati itu ada meninggalkan harta. Inilah pendapat qaul qadim Imam Syafi'e yang rajih (yang lebih kuat) menurut Imam Nawawi.

Sebaliknya, tidak wajib ke atas wali atau waris berpuasa atau membayar fidyah, jika orang yang mati itu tidak ada meninggalkan harta. Walau bagaimanapun jika dilakukan juga hukunya harus bahkan sunat bagi wali atau waris berpuasa dan membayar fidyah bagi pihak si mati.

Demikian pula, harus mengupah orang asing untuk berpuasa bagi orang yang mati itu dengan

syarat hendaklah dilakukan dengan izin (wasiat) orang yang mati itu atau dengan izin walinya.

3. Dalam keadaan musafir atau sakit.

Jika perempuan hamil atau menyusukan anak dalam keadaan musafir atau sakit dan dia berbuka dengan niat disebabkan rukhshah sakit atau musafir, maka wajib ke atasnya qadha puasa sahaja.

Jika dia berbuka dengan niat rukhshah hamil atau menyusukan anak disebabkan takut berlaku mudarat pada anaknya, maka wajib ke atasnya qadha puasa dan fidyah.

4. Menyegerakan membayar fidyah sebelum masuk Ramadhan.

Jika seorang perempuan hamil atau menyusukan anak tidak dapat menunaikan puasa pada bulan Ramadhan tersebut, tidak harus (tidak boleh) dia menyegerakan membayar fidyah sebelum masuk bulan Ramadhan. Sebagai contoh, jangan menyegerakan membayar untuk dua hari atau lebih bagi puasa yang akan ditinggalkannya atau membayar tiga puluh mudd untuk tiga puluh hari puasa yang akan ditinggalkannya sebelum masuk bulan Ramadhan berkenaan.

Menurut para ulama, dia harus membayar fidyah pada harinya (selepas fajr) setiap hari di bulan Ramadhan. Begitu juga harus dia membayarnya pada malam harinya (sebelum fajr) setiap hari berpuasa.

Sebagai kesimpulan, fidyah hanya dikenakan bagi perempuan hamil atau yang menyusukan anak yang berbuka kerana takut berlaku mudarat kepada anaknya. Sementara itu, kewajipan mengqadha puasa yang tertangguh disebabkan uzur (hamil dan menyusukan) yang berterusan adalah tetap bertanggung meskipun tidak diwajibkan fidyah. Perkara ini perlu diambil perhatian memandangkan terdapat segelintir orang yang masih keliru tentangnya.

Kelebihan Puasa Sunat Enam Hari Bulan Syawal

terlebih indah dan baik daripada hanya bergantung kepada puasa Ramadan semata-mata.

Terdapat banyak jenis puasa-puasa sunat yang boleh dilaksanakan seperti berpuasa sunat hari Isnin dan Khamis, puasa 10 Muharram, puasa tiga hari dalam sebulan dan puasa enam hari di bulan Syawal.

Menjadi kebiasaan kepada orang-orang Islam berpuasa sunat selama enam hari di bulan Syawal selepas mereka menamatkan puasa sebulan Ramadan kerana meyakini ganjaran dan pahala yang akan dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Ayyub al-Ansari bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Barang siapa berpuasa di bulan Ramadhan diikuti puasa enam hari di bulan Syawal adalah menyerupai puasanya itu puasa setahun."

Dalam sebuah hadits yang lain pula, Imam al-Thabrani meriwayatkan kepada Ibnu 'Umar

berkata telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dan diikuti puasa enam hari di bulan Syawal, keluarlah dari dirinya segala dosanya seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya."

Terdapat beberapa persoalan tentang pelaksanaan puasa enam Syawal adakah terus langsung dilaksanakan selepas Hari Raya pertama dan dibuat secara berturut-turut atau boleh dilakukan pada bila-bila masa sepanjang Syawal sama ada secara berturut-turut atau sebaliknya.

Pendapat di dalam mazhab Syafie menyebut bahawa yang terlebih afdhal di dalam pelaksanaannya ialah sejurus selepas Hari Raya pertama dan dilakukan enam hari berturut-turut.

Ini tidak pula bermakna, jika seseorang itu melaksanakan secara terputus-putus (tidak berturut-turut) atau dilakukan pada pertengahan atau akhir Syawal dianggap satu kesalahan atau tidak mendapat pahala, malah semuanya diterima Allah dan dikira sebagai satu ibadah juga.

Perlu difahami bahawa yang dimaksudkan dengan puasa sepanjang tahun itu bukan terletak kepada puasa 6 hari Syawal dengan meninggalkan puasa Ramadan, tetapi kelebihan puasa setahun itu diperolehi setelah dilengkapkan puasa Ramadan dan disambung dengan puasa Syawal.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Abu Hurairah berkata, telah bersabda Rasulullah: "Jika salah seorang dari kamu telah sempurna keislamannya, maka setiap kebaikan yang diamalkannya akan dicatat baginya dengan sepuluh kali ganda."

Ini bermakna bahawa puasa sehari dalam bulan Ramadan samalah seperti puasa sepuluh kali, dan jika sebulan Ramadan itu gandaan pahalanya seumpama puasa 10 bulan kerana ianya adalah sepuluh kali ganda. Manakala puasa sehari bulan Syawal seumpama 10 kali puasa dan 6 hari menyamai 60 hari iaitu 2 bulan. Maka jika ditambah 10 bulan dengan 2 bulan samalah seperti puasa setahun.



KESEMPURNAAN ibadat seseorang Islam bukan sekadar terletak kepada amalan-amalan fardhu yang diwajibkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, malah ia turut ditampung oleh amalan-amalan sunat di dalam memperindahkan lagi mutu ibadat yang dilakukan.

Seumpama sembahyang yang menjadi amalan terawal dihisab di Padang Mahsyar kelak, dinilai terlebih dahulu akan sembahyang wajib yang dilakukan, dan jika terdapat kekurangan, ia akan dilihat melalui amalan sembahyang sunat bagi menampung mana-mana kekurangan sembahyang fardhu. Begitu juga amalan berpuasa. Kecantikan puasa wajib Ramadan jika ditambah dengan puasa-puasa sunat adalah

Semangat semakin membara



Oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

Sokongan yang diberikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyaksikan perlawanan Bola sepak HBT membangkitkan semangat pemain Tebuan Muda apabila berjaya melumpuhkan pasukan Garuda Jaya dengan kemenangan 3-1 dan sekaligus menebus kekalahan pertama saat bertemu dengan pasukan Cambodia.

Kehangatan ini juga pastinya turut membakar dan menghidupkan kembali semangat para penyokong bagi pemain Tebuan Muda kita apabila negara kita muncul juara pada tahun 2012 selepas memberikan sengatan yang begitu berbisa dan sekali gus menundukkan pasukan Garuda Indonesia dua tahun lalu.

Kali ini Tebuan Muda kita kembali bangkit dengan semangat serta kekuatan baru dan diharap sengatan daripada pemain-pemain bola sepak belia kita akan dapat memberikan yang lebih terbaik kepada negara kita untuk mempertahankan gelaran tersebut di hadapan para penyokong tuan rumah.

Apa yang pasti dan begitu diharap-harapkan, wira-wira muda negara yang digelar 'Young Bees' atau



PIALA HBT menjadi rebutan pasukan bola sepak belia ASEAN.

'Tebuan Muda' oleh para peminat negara ini akan dapat mengekalkan kejuaraan yang dimiliki pada tahun 2012 setelah menewaskan beberapa buah pasukan yang selama ini sering menjuarai pelbagai kejohanan peringkat serantau seperti Malaysia, Myanmar dan Indonesia.

Pada kejohanan kali kelima 2014 sebanyak 11 buah pasukan mengambil tempat yang terdiri dari 10 buah negara ASEAN dan Timor-Leste akan menyertai temasya bola sepak ini dengan pusingan awal kejohanan dibahagikan kepada dua kumpulan terdiri daripada Kumpulan 'A' iaitu Timor-Leste, Laos, Republik Filipina, Myanmar dan Thailand (juara 2005 dan 2007), sementara Kumpulan 'B' disertai oleh Republik Indonesia (juara 2002), Viet Nam, Kemboja, Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam (juara 2012).

Walau bagaimanapun semangat penyokong negara-negara sahabat kita juga tidak boleh kita perlekehkan



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tidak diduga turut memberi suntikan semangat kepada Pasukan Tebuan Muda Negara.

antaranya Myanmar dan Thailand yang pernah menjuarai kejohanan tersebut pada tahun 2005 dan 2007, Republik Indonesia yang terkenal dengan gelaran 'Geruda Jaya' pernah menjadi juara di tahun 2002, selain penyokong Malaysia dan Singapura yang pastinya mempunyai penyokong-penyokong tersendiri di negara kita.

Kejohanan yang berlangsung selama dua minggu lebih ini akan berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kompleks Sukan Berakas dan, Balapan dan Padang Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah.

Kejohanan Bola Sepak HBT merupakan kejohanan khusus bagi belia-belia ASEAN yang antara lain dihasratkan untuk meningkatkan mutu permainan bola sepak di negara ini dan

di rantau ASEAN, di samping akan dapat melahirkan bakat muda untuk diasuh atau digilap sebagai persiapan jangka panjang kepada pasukan utama negara masing-masing. Bahkan melalui HBT ini juga ianya secara langsung turut menggambarkan keteguhan semangat kerjasama ASEAN yang menjadi teras kepada perpaduan serantau.

Kejohanan ini merupakan cetusan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyarankan agar ASEAN mempunyai liga bola sepaknya sendiri dan ianya telah bermula sejak tahun 2002 dan diikuti pada tahun 2005 dan 2007.

Bila kita imbas kembali saat kemenangan Tebuan Muda kita 2012 ianya juga turut mengingatkan kita kepada zaman kegemilangan pasukan kebangsaan negara pada suatu ketika dahulu dalam perlawanan Piala Malaysia yang akhirnya pasukan kebangsaan negara telah menjadi juara.

KEHEBATAN

Apa yang pasti dan amat diharapkan sepanjang perlawanan HBT pada kali ini, kita begitu berharap agar pasukan bola sepak belia negara kita akan kembali memperlihatkan dan menunjukkan kehebatan permainan mereka dari peringkat permulaan, separuh akhir dan akhir seperti yang pernah dilakukan sebelumnya dan mudah-mudahan usaha dan semangat serta sengatan dalam permainan mereka ini nanti juga akan membuahkan hasil yang lumayan.

Sudah semestinya juga kehadiran HBT pada kali ini sekali lagi akan turut mengundang dan menerima puluhan ribu peminat menggegarkan Stadium Negara Hassanal Bolkiah sepanjang perlawanan di adakan.

Idea untuk menganjurkan kejohanan bola sepak bagi negara-negara ASEAN ini telah dicetuskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah semasa melawat Institut Hubungan Diplomatik dan Luar Negeri, Malaysia pada 27 Ogos 1997, yang antara lain seperti berikut:

"Dengan para pelajar kita yang terbaik dan cemerlang, para pemimpin masa hadapan kita, yang melibatkan diri di negara ASEAN yang lain akan mendalami lagi pemahaman mereka yang membolehkan mereka membentuk rangkaian yang berharga. Kedua, menurut beta sukan dapat menjangkau ke segenap lapisan masyarakat".

Dari kesemua sukan tontonan, bola sepak mempunyai pengikut terbesar di Asia Tenggara. "Dengan mempunyai sebuah liga bola sepak ASEAN atau Asia Tenggara akan memperluaskan lagi kesedaran orang-orang biasa di negara-negara ASEAN. "Sebaik-baiknya kesemua pasukan terbaik rantau kita bertanding di dalam liga ini.

"Jika Eropah mempunyai sebuah Liga Eropah, Amerika Latin mempunyai Liga Amerika Latin dan Afrika dengan Liga Afrikanya, mengapa tidak sebuah Liga Asia Tenggara?" Oleh itu, sebagai penyokong wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mahu melihat pasukan terbaik di rantau ASEAN untuk bersaing dalam kejohanan bola sepak yang setanding dengan kejohanan serantau lain maka Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN HBT telah secara rasmi dimulakan pada tahun 2002 di mana 10 negara anggota ASEAN terlibat dalam kejohanan tersebut.

HBT dihasratkan bagi meningkatkan mutu permainan bola sepak di negara ini dan di rantau ASEAN, di samping melahirkan bakat muda untuk diasuh atau digilap sebagai persiapan jangka panjang kepada pasukan utama negara masing-masing. Selain mewujudkan rangkaian berharga bagi pemain-pemain muda ini, kejohanan bola sepak juga akan mendedahkan kemahiran bola sepak di kalangan pemain bola sepak muda dari negara anggota ASEAN kepada dunia.



PARA-PARA penyokong yang memberi sokongan kepada Pasukan Negara Brunei Darussalam di Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN HBT 2014.



Kebawah DYMM berangkat beri sokongan kepada pasukan negara

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Muhammad Arifin Haji Akip, Amri Haji Md. Salleh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Pasukan Brunei Darussalam kini bernafas lega kembali setelah berjaya menjinakkan pasukan Indonesia 3 - 1 dalam Kejohanan Bola Sepak Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) Ke-5 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), di sini, walau mereka kalah kepada Kemboja 0-1 pada perlawanan pembukaan rasmi Sabtu lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan sekali gus memberi sokongan kepada pasukan Brunei Darussalam bersama ribuan penyokong.

Juga berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim serta kerabat diraja yang lain.

Dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja tersebut jelas membuktikan sokongan padu baginda kepada pasukan Negara Brunei Darussalam pada Kejohanan HBT Ke-5 tahun ini, terdahulu baginda juga berkenan melawat di sekitar SNHB sambil penyokong berjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.

Baginda juga berangkat ke dalam stadium dan menerima sorakan meriah daripada penyokong serta baginda juga terus dikerumuni oleh penyokong untuk junjung ziarah.

Keberangkatan baginda ketika perlawanan antara Negara Brunei Darussalam dan Indonesia sedang berlangsung menambahkan lagi semangat pasukan negara yang mana pada waktu itu pasukan negara telah mendahului dengan jaringan 3 - 0.

Keberangkatan baginda itu juga jelas satu bukti akan keprihatinan Kebawah DYMM pada perkembangan dan kemajuan sukan di negara ini khasnya sukan bola sepak di negara ini dan negara juga sedang menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Trofi Hassanal Bolkiah Ke-5 di mana pada tahun 2012 lalu negara telah muncul sebagai juara buat pertama kali.

Adi Said menjadi wira Brunei Darussalam dengan gol hatriknya bermula pada minit ke-9 setelah menerima umpanan daripada rakan sepasukannya di dalam kawasan 'D' dan melalui rembatan kaki kirinya, Adi berjaya melepaskan sepakan walaupun cuba ditangkap oleh penjaga gawang Indonesia, Ravi Murtianto tetapi terlepas dari tangannya dan bola terus masuk ke gawangnya menjadikan kedudukan Brunei 1 Indonesia 0.

Indonesia yang tergamam dengan gol itu terus mengatur serangan sambil menguasai permainan tetapi pada minit ke-41, Adi Said sekali lagi menerima umpanan cantik daripada rakan juga di dalam kawasan 'D' dan terus membuat rembatan ke gawang kanan Indonesia tanpa dapat ditepis Ravi Murtianto untuk gol kedua bagi Brunei dan dirinya.

Dengan gol kedua Brunei Darussalam itu penyokong Indonesia (Garuda Muda) sekali lagi tergamam kerana kelincahan Adi Said, malah empat minit kemudian Adi Said sekali lagi menggegarkan gawang Garuda Muda dengan gol cantik sekali gus mendahului perlawanan 3-0, kedudukan ini kekal hingga tamat separuh masa pertama.

Bersambung babak kedua Indonesia terus menguasai perlawanan hingga beberapa kali mencemaskan pertahanan dan penjaga gawang Brunei Darussalam, Azman Ilham Haji Md. Noor yang terpaksa menyelamatkan beberapa percubaan daripada Garuda Muda namun beberapa percubaan itu hanya melimpasi beberapa inci dari palang gol.

Malah satu percubaan cantik Indonesia

terkena palang pada minit ke-61, hasil asakan yang bertubi-tubi daripada jentera serangan Garuda Muda akhirnya pada minit ke-74 Azman Ilham tertewas juga setelah penyerang Garuda Muda, Ilham Udin Armayni menjangkan gol tunggal setelah bergelut di depan pintu gol bersama pertahanan Brunei Darussalam (Tebuan Celik).

Pengadil perlawanan dari Thailand, Sivakorn Pu-Udom memberikan masa tambahan tiga minit untuk kedua-dua pasukan menambah gol masing-masing tetapi gagal, namun pada minit-minit perlawanan Garuda Muda ternyata menguasai permainan, akhirnya Brunei Darussalam menang mengatasi Indonesia 3-1.

Dengan kemenangan tersebut Brunei Darussalam mengutip tiga mata daripada dua perlawanan di Kumpulan 'B' dengan menduduki tangga ketiga.

Dalam temu bual bersama wartawan PELITA BRUNEI, Ketua Jurulatih Brunei Darussalam, Kwon Oh Son mengatakan, pemain-pemainnya telah mempersembahkan permainan sebaik mungkin walaupun pasukan lawan banyak menguasai bola tetapi Brunei Darussalam berjaya memenangi perlawanan.

Tambahnya, Indonesia bermain sangat baik melalui posisi 4-4-2 dan mengubahnya menjadi 4-1-4-1 bagi mengukuhkan bahagian tengah tetapi kelincahan Adi Said dan kesefahaman rakannya berjaya merobek pertahanan pasukan lawan.

Jelasnya, pada perlawanan seterusnya beberapa pembaikan perlu dibuat antaranya dari ketepatan hantaran bola, mengawal pemain lawan dan mengurangkan hantaran jauh mungkin akan lebih menguatkan lagi pasukan Brunei Darussalam.

Sementara itu, Pengurus Pasukan Brunei Darussalam, Awang Haji Feisal bin Haji Eusoff menyifatkan perlawanan memang berpihak kepada pasukan Indonesia tetapi jentera penyerang Brunei Darussalam diketuai Adi Said berjaya mencari kelemahan pertahanan Indonesia dan menyumbat gol serta dapat mengalahkan pasukan kuat seperti Indonesia.

Katanya, pasukan Garuda Muda telah dibentuk beberapa tahun lalu berbanding Brunei Darussalam, tidak dinafi permainan wall pass Indonesia memang cantik tetapi mereka tetap tidak berjaya kerana kekentalan pertahanan Brunei



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra dengan penonton semasa berkenan berangkat menyaksikan pertemuan pasukan Brunei Darussalam menentang pasukan Indonesia.

Darussalam.

Ujarnya, pasukan Brunei Darussalam akan memberi tumpuan penuh pada perlawanan ketiga nanti menentang Singapura dan tidak akan bermegah mengalahkan Indonesia satu pasukan yang kuat dalam kejohanan ini.

Apa yang penting, jelasnya, ialah recovery para pemain kerana mereka hanya mempunyai masa sehari rehat sebelum bermain dengan Singapura hari Rabu ini.

Tambahnya, tidak dinafikan sebahagian pemain mengalami kecederaan kecil dan penjaga gawang utama Abdul Hafiz Abdul Rahim kian pulih dan berharap dia boleh bermain nanti.



SEBAHAGIAN daripada aksi menarik pertemuan pasukan Brunei Darussalam (jersey kuning) bertemu dengan pasukan Indonesia (jersey merah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan dan memberi sokongan kepada pasukan Brunei Darussalam (atas sekali, atas kiri dan atas).

PASUKAN bola sepak Negara Brunei Darussalam bergambar ramai sebelum menentang pasukan Indonesia (kiri).



ADI Said bijak melepaskan tiga pemain sebelum melepaskan rembatan untuk membolosi gawang pasukan Indonesia (atas dan kanan).



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A) DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT) AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 13 OGOS 2014. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 27 OGOS 2014 BILANGAN IKLAN:33/08/14 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.

**1. PEGAWAI LAUT
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Maritim Studies / Nautical Science* atau bidang bersesuaian.
ATAU
- Mempunyai Sijil Kecekapan Kelas Satu sebagai Pegawai Dek.
- Mempunyai pengetahuan dalam fungsi serta konvensyen Pertubuhan Maritim Antarabangsa dan lain-lain pertubuhan organisasi serantau dan antarabangsa adalah kelebihan.
- Mempunyai pengalaman luas dalam pendaftaran kapal-kapal, institusi latihan maritim; penyiasatan kemalangan maritim atau pengauditan kod ISM/ISPS adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI LAUT:

- Bertanggungjawab ke atas pendaftaran kapal-kapal atau/dan pemeriksaan Kawalan Pelabuhan Negara / Penyiasatan Kemalangan.
- Bersedia menjalankan tugas dan tanggungjawab lain yang diarahkan dari semasa ke semasa seperti yang diarahkan oleh Pengarah Laut.

**2. PENOLONG JURULATIH-JURULATIH SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
- Sedang berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG JURULATIH-JURULATIH SUKAN:

- Membantu Ketua Bahagian dan Unit dalam hal-hal berikut:-
 - Pentadbiran dan pengurusan kakitangan.
 - Rancangan perkembangan latihan dan pembangunan sukan.
 - Menyediakan dan melaksanakan program-program Kejurulatihan Sukan.
 - Melaksanakan projek-projek sukan dan mencari bakat-bakat baru.
 - Menyelaras Prestasi dan keperluan latihan sukan.
- Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti Jabatan.
- Menerima arahan tugas dari Pegawai atasan dari semasa ke semasa.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan hari-hari kelepasan awam termasuk hari Jumaat dan Ahad.

**3. PENOLONG PENGURUS STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
- Sedang berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENGURUS STADIUM DAN KOMPLEKS SUKAN:

- Membantu Ketua Bahagian dan Unit dalam hal-hal berikut:-
 - Pentadbiran dan pengurusan kakitangan.
 - Merancang, melaksanakan dan memberi maklumat tentang rancangan-rancangan sukan, kompleks dan kemudahannya.
 - Merancang dan menyediakan anggaran belanjawan tahunan dan rancangan kemajuan kompleks sukan.
 - Menyediakan jadual kerja-kerja pemeliharaan kompleks.
 - Menyediakan jadual penggunaan dan peminjaman kompleks.
 - Menyelaras persiapan kelengkapan sukan padang dan gelanggang permainan.
 - Bertanggungjawab memastikan kutipan hasil pendapatan melalui penyewaan kemudahan-kemudahan sukan dan penjualan tiket dengan betul dan teratur.
 - Menyediakan laporan bulanan dan tahunan bagi kompleks sukan termasuk penggunaan dan hasil pendapatan.
 - Menyediakan daftar peralatan dan perkakas sukan (*Inventory*) dan maklum balas pengauditan.
 - Memelihara kesempurnaan dan keselamatan kompleks termasuk alat-alat kemudahan serta melaporkan segala kerosakan.
- Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti Jabatan.
- Menerima arahan tugas dari Pegawai atasan dari semasa ke semasa.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan hari-hari kelepasan awam termasuk hari Jumaat dan Ahad.

**4. PEGAWAI PENGUATKUASA KANAN
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ATAU
- Sedang berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Pegawai Penguatkuasa dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
ATAU
- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGUATKUASA KANAN:

- Menerima arahan dan bertanggungjawab kepada Penolong Pengarah, Timbalan Pengarah dan Pengarah sendiri dari semasa ke semasa dalam menjalankan tugas harian.
- Membantu pegawai-pegawai atasan dalam melaksanakan dan melicinkan dasar-dasar yang berhubung dengan Akta Lalulintas Jalan Raya.
- Menjadi Ketua kepada Pegawai Penguatkuasa dalam merancang/menyusun dan mengatur tugas-tugas pegawai di bawah kawalannya.
- Menghadiri perbicaraan mahkamah dan bertindak sebagai pendakwa mengenai dengan kes-kes yang di bawah kawalannya.
- Mengetuai operasi-operasi / sekatan lalulintas dan rondaan bermotorsikal secara berkumpulan.

**5. PEGAWAI KESEJAHTERAAN
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.6 (\$1,515 - \$2,370 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Kaunseling atau bidang bersesuaian.
ATAU
- i) Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
ii) Kepujian /Kredit 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.
iii) Mempunyai pengalaman dalam menjalankan atau sedang menjalankan kerja-kerja yang bersangkutan dengan hal ehwal kebajikan penuntut di Sekolah Menengah atau Teknikal dan telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan tidak kurang dari 5 tahun.
ATAU
- Guru yang tidak memenuhi syarat 2(i) dan 2(ii) mestilah mempunyai Sijil/Diploma dalam bidang Kaunseling dan telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan tidak kurang dari 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KESEJAHTERAAN:

- Mengawasi serta mengurus hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan dan keagamaan penuntut-penuntut di waktu persekolahan.
- Menjadi Setiausaha Jawatankuasa peraturan dan disiplin sekolah.
- Menjadi penghubung antara sekolah dengan penjaga penuntut-penuntut.
- Memberi pandangan kepada pihak sekolah tentang lantikan Ketua Pelajar.
- Menjadi ahli jawatankuasa sekolah dan asrama.
- Melibatkan diri dalam hal ehwal keagamaan (kegiatan sekolah dan asrama).
- Membantu pihak sekolah merancang kegiatan atau program untuk meningkatkan pencapaian penuntut-penuntut yang berkaitan dengan perkembangan akademik, kokurikular, keagamaan, sosial dan kemahiran hidup penuntut-penuntut serta tugas-tugas yang diarahkan oleh pihak pentadbiran sekolah dan Kementerian Pendidikan.

**6. PENGAWAS PADANG-PADANG DAN GELANGGANG SUKAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.
ATAU
- Sedang berkhidmat di Jabatan Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 5 tahun.
- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAWAS PADANG-PADANG DAN GELANGGANG SUKAN:

- Membantu Ketua Unit dalam hal-hal berikut:-
 - Mengawas dan mengurus kompleks sukan termasuk pentadbiran dan pengurusan kakitangan.
 - Bertanggungjawab mengawas dan memastikan kutipan hasil pendapatan melalui penyewaan dan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan dengan betul dan teratur.
 - Merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kemajuan kompleks.
 - Menyediakan jadual kerja harian pemeliharaan, keindahan dan pembersih kompleks serta persekitaran.
 - Menyediakan jadual penggunaan dan peminjaman kompleks.
 - Menyelaras dan mengarah persiapan kelengkapan asas sukan.

Dari muka 14

- vii. Menyediakan laporan bulanan dan tahunan kompleks termasuk penggunaan dan hasil pendapatan dengan sistematik.
- viii. Membantu dalam menyediakan belanjawan tahunan kompleks.
- ix. Memberikan maklum balas dan kerjasama mengenai apa jua perancangan dan kerja-kerja yang telah diluluskan untuk dilaksanakan kepada Pengurus Stadium dan Kompleks Sukan.
- x. Bertanggungjawab menyediakan daftar peralatan, perkakas sukan dan harta benda kompleks (*Inventory*).
- xi. Memastikan kesempurnaan dan keselamatan kompleks serta kemudahannya termasuk melaporkan sebarang kerosakan kepada Pegawai yang berkenaan.
- 2. Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti Jabatan.
- 3. Menerima arahan tugas dari Pegawai atasan dari semasa ke semasa.
- 4. Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan hari-hari kelepasan awam termasuk hari Jumaat dan Ahad.

7. PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- 1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa yang mana dua daripadanya mata pelajaran Matematik / Sains / Geografi atau kelulusan sebanding.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Perhutanan dalam Bahagian V tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan Perhutanan / Pertanian / Pemeliharaan Alam Sekitar atau jawatan bersesuaian dalam Bahagian V tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- 2. Pernah mengikuti Kursus Kemahiran Buruh-Buruh Hutan, Jabatan Perhutanan atau '*specialized courses*' yang diiktiraf adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH:

- 1. Menjadi pegawai luar sebagai pengawas dan memantau projek-projek Jabatan Perhutanan di samping mengawas buruh-buruh hutan di bawah jagaannya dan harta benda Kerajaan yang terlibat serta menyediakan laporan bulanan perlaksanaan kerja-kerja berkenaan.
- 2. Membantu pegawai luar dan atasan dalam menyusun rangka pelaksanaan kerja-kerja yang telah diberikan sesuai jadual yang telah diatitkan kepadanya dan melaksanakannya mengikut susunan kerja.
- 3. Bertanggungjawab ke atas pekerja buruh hutan yang di dalam pengendaliannya dan harta benda Kerajaan yang terlibat. Semua barang-barang Kerajaan yang diamanahkan hendaklah dijaga dan dipelihara serta sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan semasa bekerja.
- 4. Melaksanakan semua tugas yang diatitkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

TEMPAT MENGHANTAR BORANG
PERMOHONAN BAGI BILANGAN 1 HINGGA 7:

KAUNTER PERMOHONAN TINGKAT 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961 / 2380455 / 2381337 sambungan 588 & 574 (BHG. PENGAMBILAN)
TEL NO: 2381961 sambungan 585 (UNIT IKLAN)

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK
PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

GH8. PEGAWAI HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

- 1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang atau bidang bersesuaian.
- Mempunyai kelulusan *Barrister / Solicitor / Certificate in Legal Practice* atau kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.
- 2. Mengetahui hal ehwal semasa khusus dalam bidang politik dan hubungan antarabangsa serta dasar-dasar Kerajaan termasuk dalam bidang Pertahanan adalah kelebihan.
- TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI HAL EHWAL UNDANG-UNDANG:
- a. Membantu Pegawai Hal Ehwal Undang-Undang Kanan dalam melaksanakan tugas-tugas dan mentadbir Unit Perundangan.
- b. Meneliti, menasihat dan memberi pandangan dan sokongan termasuk perkara-perkara berikut:-
- i. Draf-draf (kontrak) pembelian kelengkapan ketenteraan.

ii Dokumen-dokumen perjanjian di bidang pertahanan seperti Memorandum Persefahaman, *Arrangements, Exchange of Letters, Exchange of Notes* samada dokumen yang sedia ada mahupun yang di peringkat cadangan.

iii. Hubungan-hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan pengharaman senjata (senjata kimia, *land mines, Biological, Anti-Personel Mines, Conventional Weapons* dan lain-lain).

iv. Hubungan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pertubuhan perundangan-perundangan lain ke atas konvensyen, treaties dan lain-lain seperti *Geneva Convention, Geneva Protocol, Vienna Convention, Laws of the Sea, Nuclear Test Ban Treaty* dan lain (yang bersifat/berhubung dengan soal-soal pertahanan dan keselamatan).

c. Membantu pihak-pihak berkenaan di Kementerian Pertahanan khususnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei meneliti, menilai dan menyediakan pindaan dan nasihat ke atas perkara-perkara yang berkenaan dengan akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan lain-lain undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur, dan juga bagi Pasukan Simpanan Gurkha dan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei.

d. Menyediakan draf-draf persuratan (*drafting*) bagi perkara-perkara yang ada hubungan dengan hal ehwal undang-undang yang diarahkan oleh Pegawai-Pegawai atasan Kementerian Pertahanan.

e. Bertindak selaku ahli/rombongan, urusetia dan penyelarar pada sesi permesyuaratan-permesyuaratan hubungan dua hala dalam perjanjian-perjanjian bidang pertahanan Negara Brunei Darussalam dan negara-negara lain.

f. Menjadi ahli kepada beberapa jawatankuasa-jawatankuasa dalam Kementerian Pertahanan seperti ORC (*Operational Requirement Committee*), meneliti kajian ke atas Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan lain-lain keperluan undang-undang Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

g. Membuat kerja-kerja penelitian, penilaian serta pandangan dan kertas kerja ke atas perkara-perkara yang berhubung dengan dasar pertahanan, keselamatan dan politik.

h. Menjadi ahli/ahli Urusetia kepada beberapa jawatankuasa dalam Kementerian Pertahanan seperti belanjawan Tentera British di Negara Brunei Darussalam dan lain-lain jawatankuasa sementara yang meneliti kehendak-kehendak Kementerian Pertahanan.

i. Menghubungi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan berkenaan yang lain seperti Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan dan mengumpul pandangan dan ulasan dalam perkara-perkara yang berhubungkait dengan hal ehwal politik, ketenteraan dan keselamatan.

j. Menjalankan apa jua arahan dan pembahagian kerja yang diberikan dari semasa ke semasa oleh pihak atasan.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG
PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH8:

BLOK C, TINGKAT 3,
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN
TENAGA MANUSIA,
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG
PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH8 ADALAH PADA
HARI RABU 27 OGOS 2014.

PEMBERITAHUAN:

1. Penggunaan Borang SPA/1 & SPA/2

a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2.

b. Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 atau SPA/2 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.

c. Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.

d. Borang SPA/1 hanya perlu diisikan dengan lengkap sekali sahaja iaitu bagi pemohon yang pertama kali memohon jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Permohonan kali kedua dan seterusnya hendaklah menggunakan borang SPA/2.

e. Borang SPA/1 dan SPA/2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama - sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

f. Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 dan SPA/2 untuk pengesahan.

g. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan borang SPA/1 atau SPA/2, sila hubungi kaunter Bahagian Pengambilan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di nombor talian 2381961 sambungan 588 & 574.

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).

3. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;

b. Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

4. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK selama tempoh perkhidmatannya.

5. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.

6. Permohonan yang diterima lewat daripada 27 OGOS 2014 tidak dilayan.

7. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;

• Menelefon 2381961 Sambungan 585 (Unit Iklan);

• Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

• Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>

8. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-

• Pejabat Daerah Belait;

• Pejabat Daerah Temburong.

• Pejabat Daerah Tutong;

• Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.



**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**IKLAN JAWATAN KOSONG
BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pegawai yang sedang berkhidmat atau pemohon-pemohon baharu untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut di BIRO KAWALAN NARKOTIK, Jabatan Perdana Menteri.

**PENOLONG PEGAWAI NARKOTIK II
(BKN 1-2 EB 3 : \$530 - \$1125)**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon mempunyai pengetahuan rasmi agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan social, ekonomi dan politik Negara

Brunei Darussalam.

3. i Lulus dengan kepujian/ kredit dalam empat (4) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik dan diktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ATAU

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. dalam jawatan yang ada hubungkaitnya dengan penguatkuasaan undang-undang dalam Bahagian V selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang penguatkuasaan undang-undang adalah merupakan satu kelebihan.

4. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN:

5. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas dimana mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

6. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

CARA PERMOHONAN/ MAKLUMAT

1. Semua permohonan adalah melalui mengisi borang SPA1
2. Borang SPA1 boleh didapati di Unit Pentadbiran, Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan

bersama-sama dengan salinan sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

3. Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, permohonan mestilah melalui Ketua Jabatan dan mengandungi surat sokongan Ketua Jabatan berkenaan beserta salinan prestasi dan rekod perkhidmatan.

4. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.

5. Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada:

PENGARAH

**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN TUNGKU GADONG
BANDAR SERI BEGAWAN BE 2010
TEL: 2448877
TARIKH TUTUP IKLAN:
30 SEPTEMBER 2014**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN 1:
JPPK/LTN/46/2014**

Tajuk Tawaran: DEVELOPMENT OF MILITARY ACADEMY, KAMPUNG TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM-PACKAGE 2 - OFFICER CADET BUILDING. TRAINING FACILITIES AND ASSOCIATED EXTERNAL WORKS - DITU/COMMS BUILDING
YURAN TAWARAN: \$50.00
(tidak dikembalikan)
Kelas: KELAS III KE ATAS
Kategori: B01 ATAU KA01
Tempat Penyiapan: EMPAT (4) BULAN

A. Sukacita memaklumkan perubahan tarikh tutup bagi tawaran diatas dipanjangkan dari hari Selasa, 5 Ogos 2014 kepada 26 Ogos 2014 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang. Tawaran hendaklah di masukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran juga dipanjangkan dari 1 Ogos 2014 kepada 22 Ogos 2014 hari Jumaat jam 4.00 petang. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat).

**TAWARAN 1:
JPPK/LTN/45/2014**

Tajuk Tawaran: FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF BRIDEX EXHIBITION CENTRE JERUDONG
BAYARAN YURAN : \$500.00
(tidak dikembalikan)
Kelas: V & KE ATAS
Kategori: KA01 / B01
Tempat Penyiapan: LIMA (5) TAHUN

A. Tawaran hendaklah di

masukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 26 Ogos 2014.

Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 22 Ogos 2014 hari Jumaat jam 3.00 petang.

B. Bayaran tawaran, "Tender fee" hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:

**Isnin - Khamis:
8.00 pagi - 12.00 tengah hari
2.00 petang - 3.00 petang**
**Jumaat: 8.00 pagi - 11.30 pagi
2.30 petang - 3.00 petang**

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman Web: <http://www.mindef.gov.bn>

**TAWARAN :
JPPK/LTN/01/2014**

Tajuk Tawaran: FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT FOR THE FACILITIES MANAGEMENT AND MAINTENANCE OF BOLKIAH GARISON AND ASSOCIATED FACILITIES, ROYAL BRUNEI ARMED FORCES, MINISTRY OF DEFENCE

**YURAN TAWARAN:
BS1,000.00**

(tidak dikembalikan)

**Dokumen 'Schedule of Rates' (Vol 1 & 2)
BS\$500.00 satu set
(Tidak dikembalikan)**

**Kelas: V dan VI
Kategori: 1 (KA01), 2 (B01) DAN 4a (B01)**

Tempat Penyiapan: LIMA (5) TAHUN

A. Sukacita memaklumkan perubahan tarikh tutup bagi tawaran diatas di panjangkan dari hari Selasa 05 Ogos 2014 kepada 19 Ogos 2014 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran juga dipanjangkan dari 23 Julai 2014 hari Rabu sebelum jam 2.00 petang kepada 13 Ogos 2014 hari Jumaat jam 4.00 petang. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat).

Maklumat ringkas tawaran resmi akan diadakan di **Tingkat 1, Bilik Mesyuarat, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidma-**

tan Kerja, Garison Bolkiah pada pukul 9.00 pagi pada hari Khamis, 24 Julai 2014. Kedatangan adalah dimestikan kepada penawar-penawar yang telah mengambil dokumen tawaran sebelum dan pada 23 Julai 2014.

Pembayaran bagi Yuran Tawaran dan dokumen 'Schedule of Rates' hendaklah dibayar di Blok C, Tingkat Satu, Kaunter Unit Layanan Pelanggan, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:

Isnin - Khamis: 8.00 pagi - 3.00 petang
Jumaat: 8.00 pagi - 10.30 pagi
2.00 petang - 3.00 petang

Penawar adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran dan harga dokumen adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masayang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING, WARRANTY AND MAINTENANCE

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TAWARAN	TARIKH TUTUP DAN WAKTU
MOE/LTK/15/2014/2015 (ICT-OGOS-2014)	"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING, WARRANTY AND MAINTENANCE OF SPECIAL EDUCATION ACCESS TO COMMUNICATION LEARNING MANAGEMENT PRODUCTS (SALAM), MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM"	\$505.00 (Bayaran Yuran/ e-Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)	09/09/2014 (Tidak lewat jam 2.00 petang)

Syarat Penyertaan : Syarikat yang mempunyai AITI ICTAB 'CLASSIFICATION CLASS 1,2,3,4 & 5'

Tarikh & Tempat Hari Maklumat : 02 SEPTEMBER 2014 (HARI SELASA), JAM : 9.30 PAGI
BILIK C405, TINGKAT 4, BLOK C, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tarikh Tutup Jualan Dokumen Tawaran : 08 SEPTEMBER 2014 (HARI ISNIN)

(HARI BIASA)
WAKTU-WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN TAWARAN

ISNIN - KHAMIS	8:00 PAGI	HINGGA	11:45 PAGI
	1:45 PETANG	HINGGA	3:00 PETANG
SABTU	8:00 PAGI	HINGGA	10:00 PAGI

Syarat-Syarat Iklan Tawaran

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran Yuran Tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penawar adalah dikehendaki membayar semua Yuran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).

3. Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap Penawar hendaklah membayar yuran Tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam Sila pastikan Resit pembayaran Yuran Tawaran yang di terima adalah betul.

Hari dan Waktu Pembayaran
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebutharga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran.

7. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti Penawar dan ditujukan kepada :-

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan.

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Tawaran-Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Tawaran yang paling rendah atau sebarang Tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap Tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penawar yang menolak atau membatalkan Tawaran atau kontrak setelah kebenaran Tawaran diperolehi atau setelah tutup Tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang di berikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

JADUAL UJIAN BERTULIS PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JADUAL BAGI BULAN OGOS 2014

BIL	JAWATAN/ TANGGAGAJI/ BIL. RUJUKAN IKLAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	KEMENTERIAN/ JABATAN (KEKOSONGAN)	UJIAN				RAMAI CALON
					TARIKH (HARI)	JAM	SESI	TEMPAT	
1	KELASI TINGKAT II F.2-3-4 EB.5 2014/0046/05	7(A)	23.04.2014	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (2)	06.08.2014 (Rabu)	08.30 Pagi 09.30 Pagi 10.30 Pagi 11.30 Pagi	SESI 1 SESI 2 SESI 3 SESI 4	DEWAN SPA TINGKAT 2	215 430 645 859
2	GURU TINGKAT I PG.2 2014/0048/02		23.04.2014	Kementerian Pendidikan (1)	07.08.2014 (Khamis)	08.30 Pagi			94
3	JURUTEKNIK RENDAH E.1-2-3 EB.4 2014/0045/06		16.04.2014	Jabatan Ukur (11)	13.08.2014 (Rabu)	08.30 Pagi 09.30 Pagi 10.30 Pagi 11.30 Pagi 2.15 Petang 3.15 Petang	SESI 1 SESI 2 SESI 3 SESI 4 SESI 5 SESI 6		219 439 659 879 1099 1311
4	PEGAWAI SAINSTIFIK B.2 EB.3 2014/0058/03		28.05.2014	Pusat Inovasi Industri Halal, Kem. Perindustrian dan Sumber- Sumber Utama (1)	16.08.2014 (Sabtu)	08.30 Pagi			68
5	PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH RENDAH SYARIAH B.2 EB.3 2014/0058/02		28.05.2014	Jabatan Kehakiman Negara (2)	18.08.2014 (Isnin)	08.30 Pagi			111
6	GURU G.3 2014/0053/06		07.05.2014	Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan (1)	26.08.2014 (Selasa)	08.30 Pagi 09.30 Pagi	SESI 1 SESI 2		200 332
7	PENYELARAS PELAKSANAAN C.3-4 EB.5 2014/0053/04		07.05.2014	Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (1)	30.08.2014 (Sabtu)	08.45 Pagi 10.00 Pagi	SESI 1 SESI 2		200 375

JADUAL UJIAN BERTULIS PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JADUAL BAGI BULAN SEPTEMBER 2014

BIL	JAWATAN/ TANGGAGAJI/ BIL. RUJUKAN IKLAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	KEMENTERIAN/ JABATAN (KEKOSONGAN)	UJIAN				RAMAI CALON
					TARIKH (HARI)	JAM	SESI	TEMPAT	
1	PENJAGA BANGUNAN E.1-2-3 EB.4 TRADESMAN TINGKAT I E.1-2-3 EB. 4 PEMBANTU BURUH E.1-2-3 EB.4 PENGAWAS KECIL E.1-2-3 EB.4 PEMBERSIH PENERBANGAN KDYMM F.1-2-3-4-5 EB.6 PENJUAL / PEMUNGUT TIKET E.1-2-3 EB.4 (2014/0072/01)	7(A)	30.04.2014	Penjaga Bangunan di Jabatan-Jabatan Kerajaan (4 kekosongan)	07.09.2014 (Ahad)	08.30 Pagi	SESI 1	PTE KATOK	920
				09.50 Pagi		SESI 2	920		
				11.10 Pagi		SESI 3	920		
				08.30 Pagi		SESI 1	SPA	240	
				09.50 Pagi		SESI 2		240	
				11.10 Pagi		SESI 3		240	
				08.30 Pagi		SESI 1	STPRI	252	
				09.50 Pagi		SESI 2		252	
				11.10 Pagi		SESI 3		251	
			21.05.2014	Penjual / Pemungut Tiket di Jabatan Belia dan Sukan (1 Kekosongan)		08.30 Pagi	SESI 1	SM SAYYIDINA OTHMAN, TUTONG	533
						09.50 Pagi	SESI 2		533
						08.30 Pagi		SR SULTAN HASSAN, BANGAR	217



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

PENCALONAN BAGI MENGISI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA-KETUA KAMPUNG DAERAH BRUNEI DAN MUARA

JABATAN Daerah Brunei dan Muara dengan sukacitanya mempelawa / menjemput penduduk-penduduk Kampung-Kampung berkenaan bagi menghadapi pencalonan untuk mengisi jawatan Ketua-Ketua Kampung di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam seperti berikut: -

1. Ketua Kampung Setia 'B', Mukim Sungai Kebun
2. Ketua Kampung Kianggeh, Mukim Kianggeh
3. Ketua Kampung Tanah Jambu/Salar, Mukim Mentiri
4. Ketua Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A'
5. Ketua Kampung Beribi, Mukim Gadong 'B'
6. Ketua Kampung Sengkurong 'B', Mukim Sengkurong
7. Ketua Kampung Subok, Mukim Kota Batu

Tanggagaji : C1-EB2 iaitu \$1,280.00-\$1,930.00

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

1. Calon hendaklah:-

a. Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b. Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.

c. Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.

d. Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada tarikh pencalonannya.

e. Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh

masyarakat kampung berkenaan.

f. Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.

g. Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian .

h. Tidak pernah diisytiharkan mufis di bawah Undang-Undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.

2. Calon yang terdiri daripada pegawai kerajaan jika dilantik sebagai Ketua Kampung hendaklah terlebih dahulu menamatkan perkhidmatannya sebagai pegawai kerajaan.

3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

4. Pencadang dan penyokong-penyokong bagi Calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di Kampung yang berkenaan.

Calon Pencadang dan Penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang-borang pencalonan berkenaan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

5. Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak swasta hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu bersama semasa menghadapkan borang pencalonan.

6. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada (Syarat-syarat lantikan dan Ketua Kampung) seperti yang terkandung di dalam buku Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998.

TATA CARA MENGHADAPAN BORANG PENCALONAN

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh diperolehi dan dikembalikan ke alamat berikut:

Unit Pentadbiran,

Bahagian Institusi Mukim dan Kampung

Jabatan Daerah Brunei dan Muara

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada Sabtu, 6 September 2014.

JUALAN LELONG HARTA BENDA KERAJAAN



JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI

JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP

Tajuk Sebutharga:
**Sebutharga bagi Jualan Lelong Harta
Benda Kerajaan Bagi 79 Unit Peralatan
/Perkakas Komputer**

BORANG sebutharga boleh diperolehi daripada Kaunter Unit Kewangan, Aras 5.02 East Wing, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Blok 2A, Kondominium Ong

Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja iaitu:

**Hari Isnin hingga Khamis
8.00 pagi hingga 11.45 pagi
1.45 petang hingga 3.00 petang
Hari Sabtu
8.00 pagi hingga 10.00 pagi**

Bayaran dokumen dan pentadbiran adalah sebanyak **\$5.00 (tidak dikembalikan)** dan hendaklah dibayar secara tunai.

Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat tertutup dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga yang**

disediakan di Tingkat Bawah, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi tidak lewat hari Rabu, 27 Ogos 2014 jam 9.15 pagi. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis tajuk sebutharga dan tarikh tutup sebutharga seperti yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembeli dan ditujukan kepada:

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebutharga
Jabatan Perancangan dan Kemajuan
Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Blok 2A Kondominium Ong Sum Ping
Jalan Ong Sum Ping
Negara Brunei Darussalam**

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai adalah dipelawa untuk datang bagi membuat penaksiran dan mengenalpasti barang-barang

tersebut yang diadakan di Kawasan Letak Kereta, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Blok 2A Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping pada 23, 25 dan 26 Ogos 2014 bermula jam 8.30 hingga 11.00 pagi. Untuk keterangan lanjut boleh menghubungi Unit Kewangan di talian 2233344 sambungan 524 atau 378.

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan dan memindah barang-barang tersebut dalam tempoh tiga (3) hari setelah bayaran dijelaskan sepenuhnya.

Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira batal dan tidak akan dilayan.



BIRO KAWALAN NARKOTIK JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN BAGI :
SEBUT HARGA TERTUTUP
PENENDER-PENENDER adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi dua (2) kerja berikut:

**BILANGAN TAWARAN (107)
BKN/JPM/1.4 PT.3**

**Bil 1. PERABOT DAN PERKAKAS
PEJABAT - 61 Unit**

ALAMAT MENGHANTAR TAWARAN
SEBUT HARGA:
PENGERUSI,

**JAWATANKUASA PENGHAPUSAN
DAN LELONG, IBU PEJABAT
BIRO KAWALAN NARKOTIK,
JABATAN PERDANA MENTERI,
JALAN TUNGKU GADONG BE 2110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Dokumen tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenai boleh diperolehi

dengan menghubungi ditalian 2448877 (bagi mendapatkan dokumen dan syarat-syarat tawaran) semasa waktu pejabat di **Ibu Pejabat, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Tungku Gadong BE2110, Negara Brunei Darussalam.**

3. Jika pembeli hendak melihat gambar/barangan tersebut, hendaklah membuat temu janji terlebih dahulu seperti berikut ini:

Pegawai Narkotik, Haji Ramli bin Haji Talip, ditalian 2448877 sambungan 337.

4. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

5. Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran tertinggi.

6. Kesemua tawaran sebut harga hendaklah

diisi dengan lengkap menggunakan borang yang disediakan dan hendaklah dimasukkan ke dalam PETI SEBUT HARGA bertempat di Bahagian Penyambut Tetamu, tidak lewat pada hari Sabtu, 30 Ogos 2014, jam 9.00 pagi. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

7. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara TUNAI dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang telah dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh jualan lelong yang akan dimaklumkan kemudian dan jika tidak dipindahkan dari kawasan berkenaan dalam masa yang ditetapkan di atas bermula dari tarikh tawaran ini akan dirampas balik dan akan dilelong semula.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

JUALAN LELONG PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

KETERANGAN BARANG

1. 117 Unit peralatan komputer

SYARAT-SYARAT LELONG

1. BARANG-BARANG lelong boleh dilihat di tempat yang disediakan.

2. HARGA permulaan ialah sebanyak \$636.00 bagi kesemua Peralatan Komputer.

3. PEMBELI yang Berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai dan memindahkan barang yang dilelongkan tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan tersebut.

4. Peralatan-peralatan yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari

dari tarikh perlelongan akan disimpan dan dilelong semula dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

5. Pembeli / Pengusaha / Syarikat yang berminat bolehlah menghubungi di talian 2381961 sambungan 548/551 atau datang terus ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 27 Ogos 2014 (hari Rabu) jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi untuk membuat penaksiran harga dan mengenal pasti bagi barang-barang tersebut.

KETERANGAN SENARAI BARANG UNTUK DILELONG

Bil Keterangan Barang Unit

**1. Monitor 62
2. Central Processing Unit (CPU) 27
3. Mouse 7
4. Keyboard 10
5. Printer 11**

SYARAT-SYARAT JUALAN SECARA TAWARAN SEBUTHARGA :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenai bolehlah menghubungi di talian 2381961 sambungan 548/550 semasa waktu pejabat.

3. Waktu melihat bagi membuat penaksiran peralatan komputer yang akan dilelongkan ialah pada 27 Ogos 2014 (hari Rabu) jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.

4. Borang Tawaran bolehlah diperolehi sewaktu melihat peralatan komputer yang akan dilelongkan pada tarikh yang telah ditetapkan dan bertempat :

**Unit Perangkaan dan Dokumentasi,
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Tingkat 6,**

**Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Talian : 2381961 sambungan 548/551 Fax :
2381893**

5. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan tanpa menunjukkan sebarang identiti pembeli. Di

sebelah atas luar sampul surat ditulis nama **JUALAN LELONG SECARA TAWARAN SEBUT HARGA.**

6. Semua tawaran sebut harga lelong hendaklah diisi menggunakan borang yang diberi secara lengkap dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga yang bertempat di Tingkat 1, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Sabtu, 30 Ogos 2014, jam 12.00 tengah hari.**

7. Hanya Pembeli yang berjaya sahaja akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

8. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat (7 hari) dari jualan tersebut setelah menerima surat makluman (tidak termasuk Hari Kelepasan Awam) dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut dan barang-barang berkenaan akan dilelong semula dan wang tunai yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan.

9. Lelongan sebutharga yang berjaya adalah dinilai berdasarkan harga tawaran tertinggi.



PEJABAT HAL EHWAL UGAMA DAERAH BELAIT KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

JUALAN HARTA BENDA KERJAAN

**SEBUTHARGA BAGI HARTA
BENDA KERAJAAN
KEPUNYAAN
PEJABAT HAL EHWAL UGAMA
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

KETERANGAN HARTA BANDA DAN CAJ BORANG

**1. 56 Unit Peralatan Pejabat -Caj
Borang: \$5.00**

**Tempat dan tarikh mengambil borang
pada:
Hari Isnin, 4 Ogos 2014 (waktu bekerja)**

**Di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah
Belait**

**Tarikh terakhir mengambil borang pada:
Pada Hari Sabtu, 9 Ogos 2014, jam 9.00
pagi**

**Tarikh Tutup menghantar borang
sebutharga pada: Pada Hari Sabtu,
16 Ogos 2014 (waktu bekerja)
Tarikh melihat Peralatan Pejabat pada:
Pada Hari Rabu, 13 Ogos 2014 dan Hari
Khamis, 14 Ogos 2014
Jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi**

Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat dan harta benda, lokasi-lokasi dan borang sebutharga, sila berhubung dengan **Dayang Anizatulusma binti Haji Ibrahim, di Pejabat**

Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Peralatan Pejabat yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.

2. Caj borang dikenakan dengan harga **\$5.00 (Tidak Dikembalikan).**

3. Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait dalam sampul surat yang tertutup dengan meubuh tajuk **"SEBUTHARGA SECARA TAWARAN TERTUTUP BAGI PERALATAN PEJABAT:BIL, RUJUKAN: KKW/ADM/KEM/6 dan memasukan kedalam peti tawaran yang telah disediakan.**

4. Tarikh tutup tawaran adalah pada **(Hari Sabtu, 16 Ogos 2014, jam 9.00 pagi)** dan tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.

5. Penender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran dengan WANG TUNAI SAHAJA dalam tempoh masa 2 (DUA) hari

waktu bekerja selepas dimaklumkan/pemberitahuan dan jika gagal menjelaskannya maka tawaran ini dengan sendirinya dibatalkan.

6. Penender yang berjaya hendaklah **MEMINDAHKAN** peralatan Pejabat tersebut tidak lewat 7 (TUJUH) hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran dan pihak jabatan tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kerosakan/kehilangan dalam tempoh tersebut.

7. Jika Penender yang berjaya **GAGAL MEMINDAHKAN** Peralatan Pejabat tersebut dalam tempoh 7 (TUJUH) hari waktu bekerja selepas membuat pembayaran, Peralatan Pejabat berkenaan akan menjadi MILIK Jabatan dan Jabatan berhak untuk melelong semula Peralatan Pejabat berkenaan. Wang yang telah dijelaskan TIDAK akan dikembalikan.

8. Hanya penender yang berjaya sahaja akan dimaklumkan/pemberitahuan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN 1: JPPK/LTN/42/2014

Tajuk Tawaran:

PROPOSED 2 BLOCKS (32 UNITS SFQ 'F' FLATS PHASE 5 (A) FOR EDP BRUNEI GARRISON SERIA - SUPPLY AND INSTALLATION OF WARDROBE & CABINET

YURAN TAWARAN: BND30.00 (tidak dikembalikan)

Kelas: KELAS III KE ATAS

Kategori: B01

Tempat Penyiapan: EMPAT (4) MINGGU

A. Sukacita memaklumkan perubahan tarikh tutup bagi tawaran diatas di panjangkan dari hari Selasa 12 Ogos 2014 hari Selasa kepada 19 Ogos 2014 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 8 Ogos 2014 hari Jumaat jam 4.00 petang. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 8 Ogos

2014 hari Jumaat jam 11.00 pagi.

TAWARAN : JPPK/LTN/32/2014

Tajuk Tawaran:

PROPOSED NEW MRS, BOLKIAH GARRISON -BALANCE OF WORKS

BAYARAN TAWARAN: BS2,000.00 (tidak dikembalikan)

Kelas: KELAS VI

Kategori: B01 ATAU KA01

Tempat Penyiapan: LAPAN BELAS (18) BULAN

A. Sukacita memaklumkan perubahan tarikh tutup bagi tawaran diatas di panjangkan dari hari Selasa 12 Ogos 2014 hari Selasa kepada 19 Ogos 2014 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam,

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 1 Ogos 2014 hari Jumaat jam 4.00 petang. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat).

TAWARAN : JPPK/LTN/52/2014

Tajuk Tawaran:

PROPOSED 2 BLOCKS(32 UNITS) SFQ 'F' FLAT PHASE 5 (A) FOR EDP BRUNEI GARRISON SERIA - DOORS AND IRONMONGERIES

BAYARAN TAWARAN: BS30.00 (tidak dikembalikan)

Kelas: KELAS II DAN KE ATAS

Kategori: B01

Tempat Penyiapan: DUA (2) BULAN

A. Sukacita memaklumkan perubahan tarikh tutup bagi tawaran diatas di panjangkan dari hari Selasa 12 Ogos 2014 hari Selasa kepada 19 Ogos 2014 hari Selasa tidak lewat jam 2.00 petang. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 8 Ogos 2014 hari Jumaat jam 4.00 petang. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat).

B. Bayaran tawaran, "Tender fee" hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:

Isnin - Khamis: 8.00 pagi - 3.00 petang

Jumaat: 8.00 pagi - 10.30 pagi

2.30 petang - 3.00 petang

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

Iklan-iklan tawaran boleh dilihat melalui laman Web: <http://www.mindef.gov.bn>


JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN secara sebutharga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kerja-kerja yang ditawarkan secara sebutharga adalah:

1) Bilangan sebutharga 20/2014/2015 -

Bagi Pembekalan dan Pemasangan Workstations di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Cawangan Belait.

Dokumen sebutharga dan keterangan lanjut boleh diperolehi di Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

Sebutharga hendaklah dihantar dengan sampul surat yang berasingan mengikut kerja-kerja yang disertai. Sampul surat berkenaan hendaklah tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat dan pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk sebutharga kerja-kerja yang disertai.

Sebutharga hendaklah dihadapkan tidak lewat dari pukul 2.00 petang pada hari Khamis, 4 September 2014 alamat berikut:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga
Tingkat 2, Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Lapangan Terbang Lama,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

Sebutharga-sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah atau sebarang tawaran.


JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM 'KELAS:
II & III SAHAJA**

**KATEGORI: KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN
TAWARAN: 13 OGOS 2014**

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN:**

**TIDAK LEWAT DARI JAM 2.30
PETANG, HARI SELASA,
2 SEPTEMBER 2014**

**TARIKH TUTUP : HARI SELASA,
(TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00
PETANG) 9 SEPTEMBER 2014,**

BILANGAN: JKR/DOR/SRM22/2014

**TAJUK PROJEK: MENGASPAK
SEMULA KAWASAN LETAK KERETA
ZON 'B', BANGUNAN UNDANG-
UNDANG**

**YURAN TAWARAN : BND10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM 'KELAS:
'II' 'III' DIBAWAH KATEGORI: P06
SAHAJA**

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN:**

26 Ogos 2014 (Selasa)

**TARIKH TUTUP : 9 SEPTEMBER
2014,**

JKR/DOD/8/2014

**KOMPLEKS BANGUNAN BARU IBU
PEJABAT POLIS GADONG-LOOSE
FURNITURE FOR OPEN PLAN OFFICE
SYSTEM**

NO PROJEK: JKR/DOD/BPP/

VOTE:930-011

**JUMLAH YURAN TAWARAN : \$50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM 'KELAS:
'II' & 'III' DIBAWAH KATEGORI: P06
SAHAJA**

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN:**

26 Ogos 2014 (Selasa)

**TARIKH TUTUP : 9 SEPTEMBER
2014,**

JKR/DOD/9/2014

**KOMPLEKS BANGUNAN BARU IBU
PEJABAT POLIS GADONG-LOOSE
FURNITURE FOR GENERAL & VIP
AREAS**

**NO PROJEK: JKR/DOD/BPP/
VOTE:930-011**

**JUMLAH YURAN TAWARAN : \$50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS III, IV &
V SAHAJA,**

**KATEGORI: M01 SAHAJA
TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA:**

26 OGOS 2014 (SELASA)

TARIKH TUTUP TAWARAN :

**TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG
HARI SELASA, 9 SEPTEMBER 2014.**

**BIL: JKR/DME/25/BPB/2014
TERM CONTRACT FOR AIR-CONDI-
TIONING MAINTENANCE WORK FOR
GOVERNMENT BUILDINGS ZONE 4
(JALAN KOTA BATU & GALLERY KG.
AYER) FOR 12 MONTHS**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (tidak dikembalikan)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM KELAS III, IV &
V SAHAJA,**

**KATEGORI: M01 SAHAJA
TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA:**

26 OGOS 2014 (SELASA)

TARIKH TUTUP TAWARAN :

**TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG
HARI SELASA, 9 SEPTEMBER 2014.**

**BIL: JKR/DME/26/BPB/2014
TERM CONTRACT FOR AIR-
CONDITIONING MAINTENANCE
WORK FOR ROOM AIR-
CONDITIONING UNITS AND SPLIT
AIR-CONDITIONING UNITS AT
BELAIT DISTRICT FOR TWO YEARS**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (tidak dikembalikan)**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG
-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM 'KELAS: III & IV KATEGORI:
3**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN:**

HARI SELASA, 26 OGOS 2014

**TARIKH TUTUP : HARI SELASA,
9 SEPTEMBER 2014,**

**BILANGAN: JKR/DBSKB 018/2014
TAJUK PROJEK: KONTRAK
PENGALIAN UNTUK KERJA-KERJA
KESUMBATAN PAIP PEMBETUNGAN
DI DAERAH BELAIT**

**NO PROJEK:2014ADKB/B00411-04
YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada

alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf "JKR/DBSKB ...") boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di

Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

JUALAN LELONG TERTUTUP

**UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA, JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Adalah dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebutharga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan di bukakan kepada Syarikat-Syarikat dan orang-orang perseorangan yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut:-

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
A	Penghawa dingin jenis split jenama Carrier Jumlah semua 58 Unit / Buah	Jabatan Sekolah-Sekolah Kondominium Ong Sum Ping

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
B	Peralatan Komputer Jumlah semua 02 Unit / Buah	Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah Brunei/Muara
	Peralatan Audio Visual Jumlah semua 59 Unit / Buah	Jabatan Perkembangan Kurikulum
	Perabot Pejabat Jumlah semua 02 Unit / Buah	Bahagian Perjawatan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
	Perabot Pejabat Jumlah semua 01 Unit / Buah	Unit Pembelian dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
	Peralatan Pejabat Jumlah semua 01 Unit / Buah	Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
	Perabot Pejabat Jumlah semua 175 Unit / Buah	Bahagian Perkhidmatan Permakanan dan Asrama, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
	Peralatan Pejabat Jumlah semua 02 Unit / Buah	Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
	Perabot Pejabat Jumlah semua 89 Unit / Buah	Jabatan Pendidikan Teknik
	Perabot Pejabat Jumlah semua 17 Unit / Buah	Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik
	Peralatan Komputer Jumlah semua 31 Unit / Buah	Jabatan Sekolah-Sekolah Brunei/Muara

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
-----	----------------------------------	------------------

C	Peralatan / Perkakas Elektrik Jumlah semua 202 Unit / Buah	Sekolah Menengah Masin
	Perabot dan Perkakas Sekolah Jumlah semua 562 Unit / Buah	Sekolah Menengah Berakas
	Alat Penghawa Dingin Jumlah semua 25 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong
	Peralatan / Perkakas Pejabat Jumlah semua 03 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Mukim Lumapas
	Perabot Sekolah Jumlah semua 80 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sayyidina Hassan
D	Perkakas, Perabot Sekolah dan Buku Teks dan Perpustakaan Jumlah semua 6,390 Unit / Buah	Sekolah Rendah PB Limau Manis, Brunei IV
	Peralatan / Perkakas Pejabat, Alat Penghawa dingin, Peralatan / Perkakas Elektrik dan Perabot / Perkakas Sekolah Jumlah semua 415 Unit / Buah	Sekolah Rendah Sungai Kebun, Brunei I
	Buku Teks dan Perabot Sekolah Jumlah semua 3,254 Unit / Buah	Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah, Brunei I
	Perkakas Dapur, Perabot Sekolah, Buku-Buku Teks dan Perpustakaan Jumlah semua 7,280 Unit / Buah	Sekolah Rendah Sengkurong, Brunei IV
	Perabot Sekolah dan Buku-Buku Teks Jumlah semua 1,633 Unit / Buah	Sekolah Rendah Tungku Brunei III
	Perabot Sekolah Jumlah semua 311 Unit / Buah	Sekolah Rendah Jerudong, Brunei IV
	Buku Teks Jumlah semua 4,827 Unit / Buah	Sekolah Rendah Haji Tarif, Brunei I

Tangki Air Jumlah semua 03 Unit / Buah	Sekolah Rendah Masin, Brunei IV
---	---------------------------------

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
E	Perabot Sekolah Jumlah semua 1,025 Unit / Buah	Sekolah Rendah Kg Mata-Mata, Brunei III
	Peralatan Elektrik Jumlah semua 10 Unit / Buah	Sekolah Rendah SUAS Muara, Brunei II
	Buku-Buku Teks Jumlah semua 3,584 Unit / Buah	Sekolah Rendah PPSB Sahibul Bandar, Brunei III
	Peralatan Elektrik Jumlah semua 45 Unit / Buah	Sekolah Rendah Haji Mohd Jaafar Maun, Kiulap, Brunei III
	Peralatan Pejabat dan Sukan Jumlah semua 94 Unit / Buah	Sekolah Rendah Haji Mohd Salleh Sungai Hanching, Brunei II
	Perabot Sekolah Jumlah semua 95 Unit / Buah	Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar, Brunei II
	Perabot Sekolah Jumlah semua 27 Unit / Buah	Sekolah Rendah Katok A, Brunei III
	Peralatan Elektrik, Peralatan Dapur dan Buku Perpustakaan Jumlah semua 389 Unit / Buah	Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak, Brunei II
	Perabot Sekolah dan Buku-Buku Teks Jumlah semua 5,990 Unit / Buah	Sekolah Rendah Amar Pahlawan, Brunei II
F	Alat Penghawa Dingin Split Type Jumlah semua 02 Unit / Buah	Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kuala Belait
	Perabot Sekolah, Peralatan Pejabat dan Peralatan Komputer Jumlah semua 226 Unit / Buah	Sekolah Rendah Sungai Teraban, Kuala Belait
	Peralatan Maktub Peralatan Pejabat Jumlah semua 29 Unit / Buah	Maktab Kejuruteraan Jeffri Bolkiah, Kuala Belait
	Peralatan IT, Peralatan Pejabat dan Penghawa Dingin Split Jumlah semua 120 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait
	Alat Penghawa Dingin Jumlah semua 24 Unit / Buah	Sekolah Rendah PSN Pg Mohd Yusof, Lorong 3 Seria, Kuala Belait

Peralatan Komputer, Timbangan, Peralatan Pejabat dan Buku-Buku Teks Jumlah semua 896 Unit / Buah	Sekolah Menengah PJN Pg Hj Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait
Peralatan Pejabat Jumlah semua 05 Unit / Buah	Sekolah Rendah PSJ Pg Abdul Momin, Kuala Belait
Buku-Buku Teks Jumlah semua 1,762 Unit / Buah	Sekolah Rendah Sungai Liang, Kuala Belait
Peralatan / Perabot Pejabat, Sekolah dan Dapur serta Buku-Buku Teks Jumlah semua 3,665 Unit / Buah	Sekolah Rendah Lumut
Peralatan Dapur Jumlah semua 986 Unit / Buah	Sekolah Rendah Bukit Sawat OKPB, Kuala Belait

LOT	JENIS PERKAKAS/PERALATAN/PERABOT	TEMPAT/KEPUNYAAN
-----	----------------------------------	------------------

G	Mesin Rumput (Sikut) - Tanaka Jumlah semua 01 Unit / Buah	Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong
	Buku Teks Jumlah semua 2,737 Unit / Buah	Sekolah Rendah Pengiran Kesuma Negara Bukit Beruang, Tutong
	Buku-Buku Teks Jumlah semua 1,788 Unit / Buah	Sekolah Rendah Sinaut Tutong
	Buku-Buku Teks dan Buku-Buku Perpustakaan Jumlah semua 6,652 Unit / Buah	Sekolah Rendah Binturan, Tutong
	Peralatan Elektrik Jumlah semua 160 Unit / Buah	Sekolah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya, Sengkarai Tutong
	Peralatan dan Perabot Sekolah Jumlah semua 35 Unit / Buah	Sekolah Rendah Tumpuan Telisai, Tutong
	Buku-Buku Teks, Perabot Sekolah dan Peralatan Dapur Jumlah semua 774 Unit / Buah	Sekolah Rendah Danau, Tutong
	Peralatan / Perkakas Audio Visual Jumlah semua 17 Unit / Buah	Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong
	Buku Teks, Peralatan dan Perabot Sekolah, Sewing Machine, Peralatan Dapur, Penghawa Dingin berbagai jenis, Peti Ais, Freezer, Cooker / Oven, Steel Food Warmer, Washing Machine Jumlah semua 21,112 Unit / Buah	Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong
H	Peralatan komputer Jumlah semua 03 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong

Peralatan Elektrik Jumlah semua 164 Unit / Buah	Sekolah Rendah Puni, Temburong
Buku-Buku Teks Jumlah semua 153 Unit / Buah	Sekolah Rendah Piasau-Piasau, Temburong
Buku-Buku Teks Jumlah semua 2,248 Unit / Buah	Sekolah Rendah Amo, Temburong
Buku-Buku Teks Jumlah semua 2,143 Unit / Buah	Jabatan Sekolah-Sekolah, Temburong
Buku Teks dan Peralatan / Perkakas Dapur Jumlah semua 1,785 Unit / Buah	Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong
Peralatan Elektrik dan Peralatan / Perkakas Pejabat Jumlah semua 61 Unit / Buah	Jabatan Sekolah-Sekolah, Temburong
Perabot Sekolah, Perkakas Perkebunan, Peralatan Elektrik dan Peralatan / Perkakas Pejabat Jumlah semua 206 Unit / Buah	Sekolah Rendah Negalang, Temburong
Peralatan Audio Visual Jumlah semua 06 Unit / Buah	Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong

Dari muka 20

Borang sebutharga boleh didapati seperti di alamat-alamat berikut:

1. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Blok 2J6: 03-04 Tingkat 6, Kondominium Ong Sum Ping, Kementerian Pendidikan. Talian Telefon : 2230113. (Brunei / Muara)

2. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira. Bekas Barik Lama Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong TA 1341 Talian Telefon: 4260312

3. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Rumah Kediaman Brunei Shell, Simpang

24-29 Jalan Maulana, Kuala Belait KD 145 Talian Telefon : 3347423

4. Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Bekas Asrama Jalan Masjid, Jabatan Sekolah-Sekolah, Temburong. Talian Telefon : 5222171 / 5222172

Syarat-Syarat Tawaran

1. Borang tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :-

Hari Isnin Hingga Khamis & Sabtu Jam : 8.15 Pagi hingga 11.30 Pagi 2.00 Petang hingga 4.00 Petang

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang di nyatakan di bawah ini dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat dan di tulis dengan

terang : **TAWARAN LELONG SECARA SEBUTHARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebutharga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini:-

UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA

BLOK 2J6:03-04, TINGKAT 6 KONDOMINIUM ONG SUM PING, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam setelah menerima makluman/surat jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang

berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh 7 hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau di musnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada Ketua-ketua Jabatan Pengetua-Pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pendidikan, Talian Telefon: 2230113.

6. Yuran tawaran **\$10.00 bagi setiap lot. (Tidak akan dikembalikan)**

Tarikh Tutup Tawaran pada: **30 Ogos 2014 (Sabtu) Jam 2.00 Petang.**



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN DAN TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/92/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ALIHAN BIN HAJI METUSIN** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJI METUSIN BIN PUTIH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **19 Ogos 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 21 Julai 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/152/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AMINURASHID BIN HAJI SHAHBUDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJI SHAHBUDIN BIN ORANG KAYA PERWIRA ABDUL RASHID** yang telah meninggal dunia di negara Brunei Darussalam dengan sebab si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **12 Ogos 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 03 Julai 2014

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/133/2013

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI KASSIM BIN MUDZAFFAR** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH NOORULBAIYINAH BINTI HAJI KASSIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **BAPA** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **12 Ogos 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 JULAI 2014

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/173/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DK HJH NOORINSAN BINTI PG HJ IBRAHIM** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **RHYME BIN HAJI DAUD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **BALU2** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **19 OGOS 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 23 JULAI 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/102/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DY HAJAH HIDUP BINTI A.HAJI APONG** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJI JUMAT BIN MOHD TAHIR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **19 OGOS 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 JULAI 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/171/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AHMAD BUKHARI BIN HAJI BUJANG** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH KAMPUNG@NILAM BINTI HAJI TALIB** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **ANAK KEMANA-KAN** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **19 OGOS 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 23 JULAI 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/138/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH NORMAH BINTI HAJI GARIP** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJI RAJIMIE BIN ANIS** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **19 Ogos 2014.pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 26 JULAI 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/176/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NOR HIDAYATUL BINTI MOHD JEFFRY CHONG** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **MOHD JEFFERY CHONG BIN ABDULLAH@CHONG YUN WAH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **ANAK** kepada Almarhumah.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **26 Ogos 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 28 JULAI 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/141/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ISMAIL BIN ABU BAKAR** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH NAFSIAH BINTI HAJI LAKIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **ANAK** kepada Almarhumah.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **22 Julai 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 JULAI 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/148/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI BANI@HAJI MORSIDI BIN HAJI BAYAU** kerana minta

Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH DAUYAH BINTI HAJI BAYAU** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada Almarhumah.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **22 Julai 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 JULAI 2014.

SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/143/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ROSDI BIN ABIDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH NUR FATIN AFIQAH BINTI ABDULLAH SABAN@BI-DAH BINTI SABAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **SUAMI** kepada Almarhumah.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **12 Ogos 2014 pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 17 JULAI 2014.

MUHAMMAD AMIN LIM CHING
Penolong Pegawai Waris
Bandar Seri Begawan

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA NO. T/LA/21/2014

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JULIANAH BINTI MUHAMMAD HILMI** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **SAMION BIN MOKSIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab si pemohon ialah **BALU** kepada Almarhumah.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah MAHKAMAH TUTONG pada **23 Ogos 2014 pada jam 9.00 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 9 Ogos 2014.

DY LAILATUL ZUBAIDAH BINTI HJ MOHD HUSSAIN
Penolong Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam

Zahirkan kesyukuran melalui Majlis Khatam



TIMBALAN Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang diadakan di Masjid RPN Kampung Pandan.

KUALA BELAIT, Sabtu, 9 Ogos. - Tahun ini kali ketiga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan Majlis Khatam Al-Qur'an 68 Kali bagi pelajar-pelajar dan belia.

Majlis sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Pelajar, belia zahir kesyukuran



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Berita dan Foto: Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Sabtu, 9 Ogos. - Kementerian Pendidikan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran 68 Kali Bagi Pelajar dan Belia Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 tahun serentak di keempat-empat daerah seluruh negara.

Di Daerah Tutong, Majlis Khatam 68 Kali bagi seramai 68 peserta terdiri daripada pelajar dan belia berlangsung di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Ismail bin Haji Abdul Manap.

Seramai 532 pelajar daripada sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab teknik, institusi pengajian tinggi termasuk belia di Daerah Tutong turut hadir di majlis berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dikepalai oleh tetamu kehormat diikuti bacaan Doa Khatam oleh pelajar Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), Awang Muhammad Amirul Faaiz bin Rosli manakala Doa Selamat 'Allah Peliharakan Sultan' dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam Masjid Hassanah Bolkiah, Tutong, Awang Haji Jaya bin Haji Yahya.

Di antara tujuan majlis tersebut ialah

bagi menzahirkan kesyukuran para pelajar dan belia-belie atas limpah rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wataala yang menjadikan Negara Brunei Darussalam aman makmur di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM. .

Pembacaan Al-Quran 68 Kali Khatam itu juga adalah bagi menanam dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Quran serta mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian untuk kepentingan diri, agama, bangsa dan negara bagi semua warga pendidikan dan para penuntut.

Ia juga mengambil berkat semoga Kebawah DYMM dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Inisiatif itu juga bagi menjunjung hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara zikir di samping mengamalkan penghayatan terhadap falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Turut hadir ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Muhammad Ali, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Tutong, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan dari Kementerian Pendidikan, KKBS, KHEU dan KHEDN.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 diadakan serentak di keempat-empat daerah di negara ini.

Di Daerah Belait, seramai 68 pelajar dan belia dikhatamkan, pada masa yang sama seramai 512 pelajar lain menyertai majlis yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, di sini.

Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid hadir selaku tetamu kehormat dan telah mengetuai dan memulakan bacaan Surah Al Faatihah.

Majlis diikuti dengan bacaan khatam beramai-ramai serta bacaan tahtim. Inisiatif membaca Al-Qur'an untuk khatam 68 kali menjadi sumbangan bermakna warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta para pelajar dan belia-belie di negara ini bagi sama-sama mendukung hasrat baginda menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang aman, makmur dan maju dengan petunjuk Allah.

Ia juga bagi menyahut hasrat

baginda bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam 'Negara Zikir' ke arah menuju 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur'.

Salah seorang pelajar yang menyertai majlis berkenaan, Awang Adi Adri bin Md. Rais, Pelajar Tahun 11 A dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sungguh gembira dipilih oleh sekolahnya menyertai majlis berkenaan tiga kali berturut-turut.

"Salah satu cara saya menzahirkan ucapan terima kasih ke hadapan majlis baginda dengan menyertai acara seperti ini dan mendoakan baginda dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal karar memerintah negara dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala," ungkapnya.

Selain itu, juga tambahnya, dengan menyertai majlis tersebut beliau dapat meningkatkan mutu bacaan Al-Qur'an sebagaimana yang dihasratkan oleh baginda untuk mencapai Negara Zikir dan setiap penduduk Islam di negara ini celik Al-Qur'an.

Doa khatam dibacakan oleh Awang Adi Hafizee bin Zanidi dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah manakala bacaan doa selamat 'Allah Peliharakan Sultan' diketuai oleh, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Akop bin Haji Lamat.

Majlis dianjurkan bersama Kementerian Pendidikan dan KKBS bagi menanamkan dan menyuburkan budaya membaca, di samping

mempelajari dan menghayati Al-Qur'an serta mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian untuk kepentingan diri, agama, bangsa dan negara bagi semua warga pendidikan dan para pelajar.

Majlis antara lain bertujuan bagi menzahirkan kesyukuran para pelajar dan belia-belie atas limpah rahmat dan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadikan Negara Brunei Darussalam aman makmur di bawah kepimpinan bijaksana baginda dan pesambah istimewa pelajar-pelajar dan belia-belie negara ini kepada raja yang dikasihi bersempena dengan Hari Keputeraan baginda ke-68 tahun.

Niat membaca Al-Qur'an 30 juz dihadiahkan kepada baginda dan kesejahteraan negara, selain inisiatif Khatam Al-Qur'an 68 Kali turut menjadi usaha Kementerian Pendidikan dan KKBS pada menjunjung hasrat baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, di samping mengamalkan penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Turut hadir termasuk Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan KKBS selaku penganjur bersama majlis dan juga KHEU dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Majlis Khatam Al-Qur'an sempena Hari Keputeraan



PESURUHJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir pada Majlis Khatam Al-Qur'an Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun di Brunei Hall, Norfolk Square, United Kingdom.



ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Qur'an ialah isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan pegawai serta kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom.

UNITED KINGDOM, LONDON, Khamis, 7 Ogos. - Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun.

Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei

Darussalam ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir pada majlis yang berlangsung di Brunei Hall, Norfolk Square, di sini.

Majlis Khatam Al-Qur'an dipimpin oleh Pegawai Agensi Pelaburan Brunei London, Awangku Adibul

Laporan : Samle Haji Jait
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali dari
United Kingdom, London

Amin bin Pengiran Haji Marzuki dan doa khatam dibacakan oleh Ketua Kerohanian Komiti Pelajar Brunei Hall, Awang Abdul Mu'izz bin Junaidi.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Awangku Adibul Amin dan seterusnya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dipanjangkan usia dan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan aman dan sejahtera.

Majlis berkenaan dikendalikan oleh Unit Kerohanian Komiti Pelajar Brunei Hall.



PERLAWANAN menarik pertemuan Myanmar yang mengatasi Timor-Leste dengan jaringan 3-1 dalam kumpulan A.

BERAKAS, Ahad, 10 Ogos. - Myanmar mengukuhkan kedudukan setelah mengutip tiga mata penuh mengatasi Timor-Leste dengan jaringan 3-1 dalam siri Kejohanan Bola Sepak Trofi Hassanal Bolkiah (HBT) Ke-5 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, malam ini.

Perlawanan didominasi oleh Myanmar yang kemas mengawal bola, babak separuh masa pertama perlawanan menyaksikan Myanmar melalui pemainnya jersi 9, Aung Thu menjaringkan gol pertama pada minit ke-43 setelah menerima lontaran ke dalam oleh jersi 15, Yan Naing Oo dan kesempatan

ini tidak disia-siakan bagi menjaringkan gol.

Gol kedua Myanmar menyusul pada minit ke-53 di separuh masa kedua setelah salah seorang pertahanan Timor-Leste menjatuhkan jersi 9, Aung Thu di kawasan 'D', pengadil memberikan sepakan penalti yang disudahkan oleh jeri 5, Nanda Kyaw (kapten) yang berjaya menyumbat gol kedua sekali gus memimpin perlawanan.

Setelah mendahului 2-0, Myanmar membuat beberapa pertukaran pemain, begitu juga pasukan Timor-Leste untuk mengukuhkan jentera serangan kedua-dua pasukan tetapi

strategi ini tidak mampu menjaringkan gol sehinggalah pada minit ke-72 pemain Myanmar jersi 23, Myo Ko Tun berjaya membolosi gawang Timor-Leste bagi gol ketiga.

Gol terjadi dari serangan tepi kanan kawasan Timor-Leste dengan rakan Myo Ko Tun menghantar bola kepadanya sebelum merembat masuk ke gawang Timor-Leste yang dikawal oleh Fagio Augusto DA S. Pereira.

Timor-Leste memperolehi gol tunggal pada minit ke-83 hasil jaringan pemain jersi 22, Nataniel De Jesus Reis hasil daripada serangan mengejut yang gagal dikekang oleh

Myanmar kukuhkan kedudukan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

pertahanan Myanmar yang diterajui oleh Nanda Kyaw.

Kedudukan 3-1 ini kekal hingga pengadil, Jansee Foo membunyikan wisel tamat perlawanan.

Daripada kemenangan itu, Myanmar kini mengutip enam mata dan perlawanan mereka seterusnya akan bertemu Laos pada hari Selasa ini, manakala Timor-Leste akan bertemu dengan Thailand di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada hari yang sama.

Menurut Jurulatih Pasukan Myanmar, Gerd Zeise, walaupun menang pada perlawanan tersebut, beliau tidak berpuas hati dengan permainan anak buahnya kerana mereka tidak bermain secara pantas dan menyifatkan separuh masa pertama adalah persembahan terburuk pasukannya.

Tetapi pada separuh masa kedua jelasnya, pemainnya berjaya memperlihatkan permainan yang baik setelah membuat beberapa pertukaran tetapi tidak menyangkal pasukannya belum mempunyai kualiti yang beliau harapkan.

Beliau juga mengharapkan pasukannya memenangi tiga perlawanan pada kejohanan ini tetapi pasukannya belum membuat penyudah yang baik di dua perlawanan termasuk perlawanan malam ini dan beliau juga mendapati pemainnya masih belum berfikir yang baik ketika berlawan dan ini akan diperbaiki apabila mereka akan menentang Laos Selasa ini.

Pada perlawanan itu, beliau berjanji anak buahnya akan mempersembahkan permainan yang baik tetapi beberapa orang pemainnya telah dilayangkan

kad kuning yang sedikit sebanyak membimbangkan hati beliau.

Sementara itu, Pengurus Pasukan dan Jurulatih Timor-Leste, Koga Takuma pula memuji permainan kemas pasukan Myanmar dan bagi Timor-Leste, inilah perlawanan mereka pertama di peringkat serantau.

Beliau menjelaskan pemain-pemainnya masih merasa tidak yakin kerana belum banyak pendedahan apatah lagi kejohanan ini mempunyai taraf perlawanan yang tinggi dan berharap perlawanan seterusnya, anak buahnya akan merasa yakin dan bermain dengan baik.

Menurut beliau, kelemahan jentera pertahanan pasukannya antara punca mereka kalah malam ini dan beliau berjanji akan memperbaiki kelemahan yang ada dengan memberi kata-kata semangat kepada semua pemain khususnya mereka yang di posisi pertahanan.

Thailand lebur harapan Filipina 2-0

Oleh : Muhammad Arif Metali
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Ahad, 10 Ogos. - Pasukan Thailand mencipta kemenangan sulung selepas berjaya membenam pasukan Filipina 2-0 pada kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN merebut Piala Hassanal Bolkiah Kali Ke-5 di Balapan dan Padang Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Thailand yang tewas kepada pasukan Myanmar pada perlawanan sulung, lebih awal mengasak ke kubu lawan sebaik wisel perlawanan dimulakan.

Malah pada minit pertama lagi, tendangan pemain jersi 24, Natapol Yangcharoen mula menguji penjaga gol Filipina tetapi bola kencang hanya melintasi palang gawang.

Tetapi giliran pemain Filipina pula mengatur permainan menerusi hantaran menarik dan Porteria, Jose Elmer bijak melepaskan rembatan kencang tetapi tepat ke dakapan penjaga gol Thailand, Peerapong Ruennin.

Dua minit selepas itu, Chaowat Veerachat pula berjaya mencuri tumpuan dengan larian pantas namun rembatannya tersasar dari gawang Filipina.

Filipina juga sering kali mengucarkacirkan benteng pertahanan Thailand menerusi gerakan menarik Porteria, Jose Elmer dan Sato,

Daiseuke Caumanday namun penjaga gawang Thailand lebih bijak mengawal gawangnya dari dibolosi.

Giliran Thailand menggusarkan lawan apabila hampir memberikan jaringan pertama apabila Prasad Jantum berjaya melepaskan diri daripada kawalan pertahanan Filipina, tetapi tendangannya pula berjaya di selamatkan oleh penjaga gol Filipina.

Bersambung pada separuh masa kedua, jurulatih Thailand, Sasom Pobprasert menukar rentak permainan apabila memasukan Jenphop dan Chenrop Samphaodi bagi mentajamkan lagi jentera serangan pasukan Thailand.

Percaturan jurulatih nampak berkesan apabila Chenrop Samphaodi berjaya membolosi gawang Filipina pada minit ke-58.

Peluang Filipina untuk berjaya menyamakan gol hadir pada minit ke-68 tetapi pemain lincahnya Porteria, Jose Elmer yang berjaya melakukan larian solo dan melepasi pertahanan Thailand bagaimanapun akur apabila rembatannya mudah diselamatkan oleh penjaga gol Thailand.

Kegagalan Thailand pada perlawanan pembuka tirai bagi menyuntik pasukan Gajah Putih itu dengan mempamerkan aksi lebih



PENYERANG Thailand (jersey merah) ketika membuat asakan ke atas pemain Filipina (jersey biru) pada perlawanan menarik kedua buah pasukan.

garang sehingga Chaowat Veerachat berjaya menambah kedukaan skuad Filipina pada minit ke-95.

Kemenangan itu membuka kembali harapan Thailand sekalipun Myanmar turut merakamkan kemenangan kedua selepas menewaskan Timor-Leste 3-1 untuk unggul di tangga teratas Kumpulan 'A'.

Pengurus pasukan Thailand mengakui pasukannya berhak menang pada perlawanan itu

sekalipun rentak berkesan anak buahnya hadir di babak kedua dengan mencipta peluang dan mengucarkacirkan benteng pertahanan pasukan Filipina.

“Dengan kemasukan Chenrop dan Jenphop telah berjaya meranapkan ke kubu Filipina,” jelasnya.

Sementara itu, Ketua jurulatih Filipina, Fraser James David mengakui pasukan Thailand bermain lebih baik di separuh masa kedua dan

berjaya mencipta gol sekalipun anak buahnya berusaha untuk mengimbangi kekuatan pasukan lawan.

“Namun pemain-pemain kami harus diberikan pujian kerana sering kali mencipta beberapa peluang yang mencemaskan ke kubu Thailand namun penyudah yang tumpul tidak cukup untuk menewaskan kecekapan penjaga gol Thailand,” jelasnya.

Menurutnya, pihaknya akan memperbaiki segala kelemahan bagi perlawanan seterusnya.

Kebawah DYMM berangkat beri sokongan kepada pasukan negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan penonton ketika berangkat memberikan sokongan kepada pasukan Brunei Darussalam bertemu dengan pasukan Indonesia pada perlawanan bola sepak HBT yang berkesudahan Brunei Darussalam memenangi perlawanan 3 - 1. - Foto : Muhammad Hamdanajib Haji Domeng. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 12 dan 13).

Kebawah DYMM Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap isteri Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Menteri Pemuda

dan Olahraga, Republik Indonesia, Ibu Ismarindayani Priyanti dan isteri Timbalan Duta Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam, Ibu Fenty Sutiono.

Turut mengiringi ialah isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Rosnah binti Pehin Datu Inderasugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Ibu Ismarindayani Priyanti. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

Bermulanya tirai perayaan Hari Keputeraan

Dari muka 1

Sambutan bersejarah itu akan bermula dengan Istiadat Perbarisan Kehormatan yang akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bermula pukul 7.15 pagi. Kemudian diikuti dengan Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman bermula pukul 9.30 pagi. Sementara itu pada sebelah malamnya pula akan diadakan Majlis Persantapan Negara di Istana Nurul Iman.

Di ibu negara dan setiap daerah, bendera kebangsaan kini berkibar megah di bangunan-bangunan kerajaan, jalan-jalan utama, rumah persendirian dan gedung-gedung perniagaan. Gerbang-gerbang didirikan di sana sini, menghiasi sepanjang jalan di ibu negara, Bandar Seri Begawan, poster-poster bagi membarigakan dan menghimbau kesedaran rakyat terhadap perayaan itu sudah dipasang di tempat-tempat strategik.

Sementara itu, Jabatan Penerangan telah mengagihkan poster bagi membarigakan Hari Keputeraan Kebawah DYMM kepada wakil-wakil daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di keempat-empat daerah untuk disebarluaskan ke peringkat akar umbi.

Wakil PELITA BRUNEI juga meninjau suasana kesibukan warga kerja Jabatan Percetakan Kerajaan (JPK) kini rancak mencetak buku kenang-kenangan bertajuk 'Dirghayu' terbitkan Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri dan kerja-kerja percetakannya telah bermula pada minggu lepas. Taip set, reka letak dan reka bentuk disediakan oleh Pusat Sejarah Brunei (PSB).

Di samping itu, JPK juga sedang mencetak buku-buku yang lain seperti kad-kad jemputan dan kad letak kereta dan seumpamanya sejak awal bulan Julai lepas. JPK diberi kepercayaan untuk mencetak dan menyiapkan Buku Dirghayu bermula pada 13 Ogos 2014, manakala penyediaan taipset, reka letak dan reka bentuk dilaksanakan oleh pihak PSB.

Selain dari Buku Dirghayu, JPK juga diberi kepercayaan untuk mencetak pelbagai keperluan bahan bercetak yang lainnya bagi Majlis Khatam 68 Kali, Majlis Ilmu dan majlis-majlis yang terlibat dalam perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-68 Tahun.

Pelbagai acara keraian telah disusun di keempat-empat daerah dalam tempoh sebulan bermula 14 Ogos. Kemuncak acara perayaan ialah Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat Bagi Daerah Belait pada hari Ahad, 17 Ogos; Tutong pada hari Selasa, 19 Ogos; Daerah Temburong pada hari Khamis, 21 Ogos dan bagi Daerah Brunei dan Muara pada hari Ahad, 24 Ogos.

Seluruh lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam merafak sembah menjunjung kasih dengan rasa penuh syukur dan gembira menyebarkan ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Lima pegawai kanan dinaikkan dan ditetapkan jawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Ogos. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kenaikan pangkat kepada lima orang pegawai kanan kerajaan.

Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, JPA, Awang Haji Abdul Manap bin Othman dinaikkan pangkat dan ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, JPA mulai 14 Jun 2014.

Sementara itu, Pengarah Protokol dan Hal Ehwal Konsular di Kementerian Hal Ehwal Luar dan Perdagangan (KHELNP), Awang Haji Osman bin Haji Mohd. Yusoff dilantik sebagai Pengarah Pentadbiran di KHELP mulai 12 Julai 2014.

Manakala itu, Penolong Pengarah Perancangan dan Pengurus Estet di Kementerian Pendidikan, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum di Kementerian Pendidikan mulai 21 Jun 2014.

JPA juga memaklumkan Penolong Pengarah Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Kerja Raya (JKR), Pengiran Haji Mohidin bin Pengiran Md. Daud dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal di JKR, Kementerian Pembangunan mulai 21 Jun 2014.

Selain itu, Penolong Pengarah di JPA, Dayang Hajah Norhayati binti Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Personel di JPA mulai 21 Jun 2014.

SEMARAKKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.